

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"DIPLOMASI dan kerjasama pertahanan juga sentiasa diperluas melalui forum-forum dan latihan-latihan yang mewujudkan perkongsian pandangan bermanfaat mengenai masalah-masalah keselamatan bersama."
- Titah Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-62 Tahun pada 13 Rejab 1429 / 15 Julai 2008 .



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"WAHA! orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada rasul dan kepada ulil amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah berselisih dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada kitab Allah (Al-Qur'an) dan Sunnah Rasul-Nya jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat. Yang demikian adalah lebih baik bagi kamu dan lebih elok pula kesudahannya."
-(Surah An Nisaa' ayat 59).

TAHUN 57 / BILANGAN 81

7 JULAI 2012 / 1433 شعبان 17

EDISI SABTU / PERCUMA



66

15 Julai 2012

دولت كبا و دولي توان قاتيق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

8

hari lagi

Mantapkan pengurusan latihan

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bertitah menekankan agar pengurusan latihan Sekolah Pegawai Kadet ABDB perlu terus dimantapkan dengan menambahkan beberapa kaedah seperti piawai antarabangsa, komputer based training dan pengiktirafan akademik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah sebagai langkah awal adalah wajar supaya cadangan penganugerahan Extended BTEC, Diploma in Strategic Management and Leadership untuk mata pelajaran Sekolah Pegawai Kadet dimulakan pada tahun depan.

Baginda menggariskan perkara tersebut semasa bertitah dalam Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ketujuh Sekolah Pegawai Kadet ABDB di Padang Kawad Sekolah Pegawai Kadet, Perkhemahan Sungai Akar, di sini.

Terdahulu, baginda melahirkan penuh kepercayaan bahawa latihan dan pembangunan sumber tenaga manusia adalah sangat penting bagi kesinambungan sesebuah institusi dan malah juga secara amnya menyumbang kepada kemajuan dan masa depan negara.

Fungsi latihan titah baginda adalah sebagai pelengkap dalam makna mereka yang menjalani latihan itu adalah sedang melengkapkan diri masing-masing dengan ilmu, dengan kebolehan dan kemahiran yang sangat-sangat diperlukan.

"Berasaskan ini, jika kita terangsang untuk mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang telah berjaya menjalani latihan maka kita juga adalah wajar untuk merakamkan penghargaan dan tahniah yang sama pada para jurulatih mereka tanpa komitmen mereka hasil yang diharap-harapkan tidak akan menjadi kenyataan.

Beta percaya para jurulatih telah pun melaksanakan tugas mereka dengan baik dan sempurna kerana mereka cukup memahami akan kepentingan latihan-latihan itu sebagai punca untuk menentukan kualiti pegawai tanpa latihan yang berkualiti adalah mustahil untuk melahirkan pegawai-pegawai yang berkualiti pula," tegas baginda seterusnya.

Selain itu, dukungan moral para ibu bapa yang merestui penglibatan anak-anak mereka dalam bidang pertahanan titah baginda merupakan suatu wawasan besar lagi berani yang wajar untuk diberikan pujian.

Ke muka 12 dan 13

Berangkat ke Sovereign's Parade Pengambilan Ketujuh



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ketika memeriksa barisan Pegawai Kadet Lelaki dan Perempuan dalam Upacara Sovereign's Parade Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan ABDB Pengambilan Ketujuh. - Foto : Hatral Hazmi Abdul Hamid. - (Lagi berita dan gambar-gambar ke muka 12 & 13.)

DI DALAM



Muka 3

'MEMPERTEGUH Ejaan Jawi Sebagai Khazanah Bangsa'



Muka 4

'TAMAN Kulimambang' daya tarikan kepada pengunjung



Muka 5

PERSEDIAAN KPSSU capai sasaran pengeluaran kasar 4.5 bilion

Penggunaan ejaan Jawi perlu dibudayakan

Oleh : Abdullah Asgar

JERUDONG, Rabu, 4 Julai. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bersabda, terdapat banyak ruang yang perlu diambil perhatian untuk menambah baik dan meningkatkan penguasaan tulisan Jawi di negara ini.

Ke muka 24

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat dan sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan kepada kita limpah rahmat-Nya yang berterusan, di mana pada petang ini kita dapat berkumpul sekali lagi, di Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Paduka Ayahanda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1433 Hijriah.

Berbanyak-banyak syukur kita rafakkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah mengurniakan kesihatan dan umur yang panjang serta rezeki yang aman luas kepada Paduka Ayahanda.

Dengan nikmat tersebut, maka Paduka Ayahanda dengan sukacita berkenan meneruskan lagi kurnia baginda kepada seluruh lapisan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam, yang berupa buah kurma untuk juadah berbuka pusasa.

Dalam beberapa hari saja lagi, bulan Ramadan, bulan yang mulia yang dinantikan oleh seluruh umat Islam akan menjelang.

Dalam keghairahan umat Islam menyambutnya, iaitu setelah bermuhasabah diri pada Ramadan tahun lalu, ramai yang berazam untuk cuba memperbaiki kekurangan sebelum ini, dengan mengamalkan konsep 'hari ini lebih baik dari semalam'.

Tetapi jika ditinjau dari sudut kesihatan pula, berapa ramai yang akan menyematkan hati sebagai azam baru untuk menjaga pemakanan agar nikmat kesihatan tidak terabai apatah lagi kalangan umat Islam yang masih mengamalkan tabiat buruk merokok?

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Tirmizi dan Ibnu Majah: "Dua nikmat agung yang diabaikan kebanyakan orang ialah kesihatan dan masa lapang."

Perkara ini jelas dilihat daripada peningkatan masalah kesihatan masyarakat negara kita disebabkan gaya hidup yang tidak sihat dan seimbang.

Sebelum melangkah ke bulan Ramadan, marilah kita mempersiapkan diri kita dari aspek rohani, jasmani dan mental.

Justeru itu, masyarakat Islam perlu lebih mengamalkan cara pemakanan yang sihat dengan mengurangkan makanan dan minuman yang boleh memudaratkan tahap kesihatan.

Bulan Ramadan juga mempunyai suasana yang sangat baik untuk berhenti merokok dan oleh yang demikian, umat Islam yang merokok wajarlah mengambil kesempatan di bulan Ramadan yang mubarak ini untuk meninggalkan tabiat buruk amalan merokok.

Dengan itu, insya-Allah, kita akan dapat menjalani ibadah puasa dengan penuh bertenaga dan memiliki risiko kesihatan



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika bersabda pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1433 Hijriah 2012 Masih pada hari Selasa, 13 Syaaban 1433H bersamaan 3 Julai 2012M di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam.

JUSTERU itu, masyarakat Islam perlu lebih mengamalkan cara pemakanan yang sihat dengan mengurangkan makanan dan minuman yang boleh memudaratkan tahap kesihatan.

Bulan Ramadan juga mempunyai suasana yang sangat baik untuk berhenti merokok dan oleh yang demikian, umat Islam yang merokok wajarlah mengambil kesempatan di bulan Ramadhan yang mubarak ini untuk meninggalkan tabiat buruk amalan merokok.

Dengan itu, insya-Allah, kita akan dapat menjalani ibadah puasa dengan penuh bertenaga dan memiliki risiko kesihatan yang rendah.

Amalkan cara pemakanan yang sihat

yang rendah.

Semoga dengan kekuatan iman dan keyakinan, kita dapat melaksanakan ibadah dengan ikhlas, mampu meraih *maghfirah* dan ketakwaan serta menjadikan kita Muslim yang lebih baik berbanding dengan sebelumnya.

Saya juga berharap hasrat Paduka Ayahanda akan tercapai, dengan pengagihan dan pembahagian buah-buah kurma kurnia peribadi baginda secara teratur dan sempurna, kepada semua mereka yang layak menerimanya.

Dari itu, perkara ini haus diambil perhatian yang berat oleh pihak-pihak yang berkenaan khususnya bagi mereka yang diamanahkan untuk mengagih-agihkan kepada yang berhak, supaya jangan terdapat aduan yang menyatakannya bahawa mereka tidak menerima kurnia kurnia peribadi Paduka Ayahanda.

Jika ini berlaku, ertinya kita telah gagal menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita dengan sebaik-baiknya.

Maka bertabarak dengan bulan Ramadan yang akan kita lalui, sama-samalah kita berdoa semoga pengagihan kurnia peribadi Ayahanda ini akan berjalan dengan lancar

dan sempurna.

Dalam kesempatan ini saya sukacita mengucapkan terima kasih dan tahniah serta penghargaan kepada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pegawai-pegawai daerah, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan serta kepada semua yang terlibat di atas segala usaha-usaha untuk melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan ganjaran yang setimpal.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala, semoga Paduka Ayahanda akan sentiasa diberikan kesihatan yang berpanjangan dan berada dalam perlindungan dan pemeliharaan-Nya serta mendapat kebahagiaan di dunia dan di Akhirat. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

7 JULAI 2012 BERSAMAAN 1433 شعبان 17

EJAAN JAWI WARISAN BANGSA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah dalam Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-42 di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman pada 15 Julai 1988, yang menekankan kepentingan tulisan Jawi.

Baginda bertitah, antaranya: "Dalam pada ini, beta ingin mengingatkan usaha ke arah mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara tidak akan diabaikan. Adalah menjadi tanggungjawab seluruh rakyat dan penduduk di negara ini mengamalkan bahasa Melayu terutama dalam urusan-urusan rasmi menurut peraturan yang ditetapkan termasuklah juga meningkatkan penggunaan tulisan Jawi."

Titah baginda itu, membuktikan betapa baginda amat peka dan prihatin akan kepentingan tulisan Jawi.

Kepentingan ejaan Jawi memang terbukti sejak kemunculan tulisan itu secara langsung sejak kedatangan agama Islam ke Nusantara, yang mana pada abad ke-15 hingga ke-18 tulisan Jawi menjadi nadi kepada perkembangan bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam kerana tulisan Jawi bukan sahaja digunakan dalam urusan agama, tetapi juga sebagai tulisan rasmi dalam pentadbiran kerajaan dan perhubungan dengan negara-negara lain.

Sejak kedatangan Islam ke negeri ini, pengaruh tulisan Jawi juga telah mempengaruhi kehidupan orang-orang Brunei dengan begitu berkesan sekali dan pengaruh dan peranan tulisan Jawi itu tidaklah terbatas, baik dari peringkat kemasyarakatan mahupun dari aspek-aspek kehidupan seperti politik, ekonomi dan sosial.

Peranan sekolah-sekolah agama juga amat penting kerana institusi itu membolehkan pelajar-pelajar menguasai tulisan Jawi. Dari itu, dapatlah dikatakan bahawa sekolah agama berperanan penting untuk mempertahankan tulisan Jawi daripada mengalami kemalapan terus dalam arus pendidikan moden yang keseluruhan mata pelajarannya menggunakan tulisan Rumi.

Persidangan Kebangsaan Ejaan Jawi: Kaedah dan Penyelaras, anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang dikendalikan bersama Kolej Universiti Pengurusan Ugama Seri Begawan Seri Begawan (KUPU SB) dan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan tema 'Memperteguh Ejaan Jawi Sebagai Khazanah Bangsa' yang berlangsung baru-baru ini telah menuntut kita sebagai warganegara Melayu Islam Beraja (MIB) ini terus peka akan pentingnya ejaan Jawi yang merupakan tulisan warisan bangsa sejak dahulu lagi.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika bersabda melancarkan persidangan itu penuh berharap agar isu masalah kekeliruan penggunaan ejaan Jawi perlu diselesaikan dengan segera dan bijaksana iaitu dengan cara bermuafakat, agar masalah penggunaan ejaan Jawi yang tidak selaras ketika ini dapat diatasi.

Di samping itu, penggunaan ejaan Jawi juga perlu terus disebarluaskan penggunaannya dengan lebih dinamik di negara ini dan setiap orang mesti tahu dan faham menengeja dan membaca Jawi dengan baik dan betul, agar tulisan Jawi dapat dipertahankan daripada mengalami kemalapan terus dalam arus pendidikan moden yang keseluruhan mata pelajarannya menggunakan tulisan Rumi.

Kita merasa amat bangga dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha terus-menerus mempertahankan martabat tulisan Jawi di negara ini.

Kesimpulannya, ejaan atau tulisan Jawi selain berfungsi memaparkan identiti agama dan bangsa, ianya juga secara praktis diperlukan bagi kehidupan beragama Islam dan keperluan menimba pengetahuan tentang agama Islam. Tulisan Jawi tidak dapat dipisahkan dengan Islam dan tidak boleh juga diregangkan dengan budaya Melayu. - Pengarang.

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
SABTU	AHAD	ISNIN
ANDAR SERI BEGAWAN 31°C / 24°C	31°C / 24°C	31°C / 24°C
BUARA 32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 25°C
BEKAN BANGAR 31°C / 24°C	31°C / 24°C	31°C / 24°C
BEKAN TUTONG 32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 25°C
BEKAN SERIA 31°C / 24°C	31°C / 24°C	31°C / 24°C
BUALA BELAIT 31°C / 24°C	31°C / 24°C	31°C / 24°C

Walaupun Biseswab
Sumber: Perkhidmatan Maklucua Brunei Darussalam
Jabatan Penerangan Awam
Telefon: 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca: 114

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan / Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryentyy Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait,
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Norliah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejeri,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli,
Majdiah Hazirah Awang Lamit,
Siti Nadeeya Haji Rahime

Penyuntingan

Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal
Bolhassan Haji Abu Bakar
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

Pereka Letak

Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Rani Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Muhd. Zaidani Haji Zinin,
Mohammad Izzuddin Jeffree,
Ak. Muhd. Khairul Anuar Pg. Badaruddin

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

'Memperteguh Ejaan Jawi Sebagai Khazanah Bangsa'



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat merasmikan Pelancaran Persidangan Kebangsaan Ejaan Jawi.



YANG Teramat Mulia berangkat dalam majlis tersebut.

**Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

JERUDONG, Rabu, 4 Julai. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat merasmikan Pelancaran Persidangan Kebangsaan Ejaan Jawi. Keberangkatan Yang Teramat Mulia di Dewan Indera Samudera, The Empire



YTM berkenan menandatangani lembaran keberangkatan.

Hotel and Country Club dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Awangku Muhd. Amirulaiman bin Pengiran Haji Marzuki pelajar tahun empat Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Sementara itu, Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya antara lain menyambangkan, memandangkan perubahan kemajuan zaman teknologi, penggunaan tulisan Jawi dikhuatiri akan tergugat dengan munculnya kepelbagaian kaedah ejaan dan ketidakseragaman ejaan Jawi yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna tulisan Jawi masa kini.

Maka di antara objektif Persidangan Kebangsaan Ejaan Jawi ini, jelas Yang Berhormat, ialah mengenal pasti penggunaan ejaan Jawi mengikut kaedah yang tepat dan betul agar dapat diguna pakai secara menyeluruh di Negara Brunei Darussalam.

Dari itu tambahnya, hasil persidangan ini nanti diharapkan akan dapat membentuk satu kaedah ejaan Jawi standard bagi mengatasi masalah penggunaan ejaan Jawi yang tidak selaras pada masa ini.

Katanya, tulisan Jawi telah digunakan sejak abad ke-14 Masihi sebagaimana yang terbukti pada batu-batu nisan yang terawal dan Negara Brunei Darussalam telah sekian lama menggunakan tulisan ini dengan meluas dalam menyampaikan ilmu-ilmu agama dan ilmu-ilmu umum dan dalam merekodkan dokumen-dokumen penting juga telah digunakan secara rasmi di institusi pendidikan agama, sektor kerajaan dan swasta.

Kerjasama institusi-institusi pendidikan agama dan umum



YTM dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah pada majlis berkenaan.

serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menurut Menteri Hal Ehwal Ugama, adalah suatu usaha berkebijakan dan berterusan dalam menepati tema persidangan ini iaitu 'Memperteguh Ejaan Jawi Sebagai Khazanah Bangsa'.

Tambahnya, persidangan penuh makna ini akan mendengar satu pembentangan Kertas Perdana bertajuk 'Isu-Isu Penggunaan Ejaan Jawi dan Kaedah Memajukannya' disampaikan oleh Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Tambahnya, tiga lagi kertas utama akan dibentangkan oleh wakil-wakil Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan dan DBP.

Selain itu jelasnya, forum bertajuk 'Memperteguh Ejaan Jawi Sebagai Khazanah Bangsa' juga akan dibincangkan dalam persidangan ini.

"Semoga ahli sidang dan para peserta yang hadir dari pelbagai institusi pengajian tinggi dan mereka yang berkepentingan dalam membudayakan ejaan Jawi ini akan dapat merumuskan resolusi dan dapatan dengan mengadakan Bengkel Penyelarasan Pelaksanaan Ejaan Jawi secara proaktif dan menyeluruh di

Negara Brunei Darussalam. Sekali gus dapat menerbit dan menyebarkan Daftar Ejaan Rumi-Jawi Edisi Brunei ke seluruh negara demi kemanfaatan pengguna tulisan Jawi dan merealisasikan negara kita sebagai sebuah Negara Zikir yang berwibawa dan digalati," ujarnya.

Doa selamat telah dibacakan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.


Di majlis itu, YTM juga berkenan menerima pesambah dan menandatangani lembaran keberangkatan dan mengabdikan gambar ramai bersama

Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Persidangan.

Kira-kira 300 peserta mewakili KUPU SB, DBP, JPI, KHEU, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian-kementerian, institut pengajian tinggi (UBD, UNISSA, ITB) dan orang perseorangan menyertai persidangan dua hari itu.

Persidangan anjuran KHEU dan KKBS itu dikendalikan bersama oleh KUPU SB dan DBP dengan kerjasama JPI dan Jabatan Sekolah-Sekolah.

Ia antara lain bertujuan mengenal pasti penggunaan ejaan Jawi mengikut kaedah yang tepat dan betul, membentuk satu kaedah ejaan Jawi standard dan mengatasi masalah ejaan Jawi.



MENTERI Hal Ehwal Ugama ketika menyambangkan sembah alu-aluannya, (kiri) manakala, Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim menyampaikan Kertas Perdana bertajuk 'Isu-Isu Penggunaan Ejaan Jawi dan Kaedah Memajukannya' (kanan).

'Taman Kulimambang' daya tarikan kepada pengunjung

TUTONG, Selasa, 3 Julai. - Taman Warisan Tasek Merimbun di Daerah Tutong memperkenalkan 'Taman Kulimambang' sebagai satu lagi daya tarikan untuk orang ramai dan pelancong berkunjung ke taman tersebut.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah yang juga selaku tetamu kehormat Majlis Perasmian Taman tersebut dalam pendekatan bersama PELITA BRUNEI menjelaskan, 'Taman Kulimambang' adalah merupakan sebagai satu lagi tambahan tarikan kepada pelancong-pelancong dan generasi muda khususnya kanak-kanak sekolah untuk datang berkunjung.

Menurut Yang Berhormat, selain daripada sebagai tempat untuk mengisi masa lapang, pengunjung juga dapat mempelajari kitaran hidup dan keadaan ekosistem bagaimana serangga hidup dan membiak dan akan dapat menyaksikan jenis tumbuhan yang menghasilkan bahan makanan untuk serangga tersebut.

Majlis Perasmian 'Taman Kulimambang' tersebut berlangsung di Taman Warisan Tasek Merimbun, Tutong, di sini.

Sementara itu, Pengarah Muzium-Muzium, Awang Bantong bin Antaran, selaku Pengerusi Majlis dalam ucapannya berkata 'Taman Kulimambang' merupakan projek yang diusahakan oleh Jabatan Muzium-Muzium Brunei (JMB) melalui Bahagian Ilmu

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin

Kejadian dan Taman Warisan Tasek Merimbun yang diluluskan pada tahun 2011 sebagai salah sebuah projek perbelanjaan khas JMB.

Beliau menambah, projek ini menyediakan ruang kepada pengunjung taman itu untuk mengenali sejenis serangga yang dipanggil kulimambang yang mana para pengunjung akan dapat memahami secara lebih dekat lagi mengenai jenis dan keunikan kulimambang yang terdapat di Negara Brunei Darussalam terutama sekali yang ditemui di persekitaran Taman Warisan Tasek Merimbun.

"Projek ini diharap akan menambah nilai Taman Warisan Tasek Merimbun yang merupakan satu-satunya Taman Warisan Kebangsaan ASEAN di negara ini agar menjadi daya tarikan dan dapat menarik perhatian pelancong," katanya.

Penyediaan Projek Taman Kulimambang memakan masa lebih kurang satu tahun diketuai oleh Kurator Ilmu Kejadian, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omarali ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, selaku Pengerusi Taman Warisan Tasek Merimbun.

Proses penyediaan taman itu melalui tiga peringkat seperti Penyediaan Infrastruktur, Persekitaran, Pengisian Kulimambang dan

Proses Pembiakan.

Sempena Perasmian Taman Kulimambang, pameran mengenai kulimambang juga diadakan untuk memberi pengetahuan lebih lanjut lagi mengenai dengan serangga kepada pelawat yang datang ke taman tersebut.

Sebuah buku cerita kanak-kanak mengenai kulimambang bertajuk 'Si Kelabang' yang mengisahkan tentang kehidupan serangga yang cantik dan kepentingannya dalam mengekalkan alam sekitar yang sihat dan subur juga turut dilancarkan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Buku cerita tersebut turut dijual dengan harga BND8 senaskah.

Taman Warisan Tasek Merimbun yang dirasmikan pada tahun 2000 dan diisytiharkan sebagai Taman Warisan ASEAN pada tahun 1984 mempunyai sebuah balai pameran memaparkan koleksi flora dan fauna bagi penyelidik dari dalam dan luar negara.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, pengarah-pengarah, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung Daerah Tutong serta pegawai-pegawai kanan dan kakitangan kerajaan.

Taman Kulimambang mula di buka untuk kunjungan orang ramai dengan masuk secara percuma.

Orang ramai yang ingin berkunjung ke taman berkenaan boleh menghubungi Dewan Pameran Taman Warisan Tasek Merimbun di talian 4269179.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menandatangani plak di Perasmian Taman Kulimambang di Taman Warisan Tasek Merimbun (atas), sementara gambar bawah, Yang Berhormat ketika merasmikan 'Taman Kulimambang' dengan melepaskan seekor kulimambang yang terdapat di taman tersebut. Juga hadir sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omarali ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, selaku Pengerusi Taman Warisan Tasek Merimbun.



Daerah Belait siap sedia menjunjung keberangkatan Kebawah DYMM

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli



YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, berangkat membuat lawatan tinjauan bagi meneliti persediaan acara utama perayaan yang diunggayakan di Daerah Belait.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri bersama Timbalannya beramah mesra dengan peserta yang mengambil bahagian dalam acara persembahan padang yang terdiri daripada pelajar sekolah.

KUALA BELAIT, Selasa, 3 Julai. - Daerah Belait telah bersiap sedia menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-66 Tahun.

Bagi meneliti persediaan acara utama perayaan yang diunggayakan di daerah ini khususnya bagi menjunjung keberangkatan baginda yang akan berlangsung di Padang Bandaran di sini, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, membuat lawatan tinjauan bagi meneliti persediaan latihan penuh majlis tersebut.

Yang Amat Mulia selaku Penasihat Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-66 Tahun, diiringi oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka

Haji Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan.

Juga berangkat ialah Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar.

Hadir sama oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yusoff, yang juga selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan; Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN); Pegawai Daerah Belait;

pegawai-pegawai dari Jabatan Adat Istiadat dan pegawai-pegawai kanan dari KHEDN, Jabatan Daerah Belait beserta jabatan-jabatan lain yang berkenaan.

Pada tahun ini, persembahan khas Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah bagi Daerah Belait berbentuk sketsa bertajuk 'Menyusur Tamadun Ilmu'.

Ia bagi mendukung tema utama 'Wawasan Raja dan Wawasan Rakyat merupakan Wawasan Negara'.

Persembahan tersebut melibatkan 466 peserta terdiri daripada penuntut sekolah, pelajar maktab dan gabungan belia-belia Daerah Belait yang mementaskan sketsa yang dicerakinkan kepada tiga segmen bermula dari awal tahun 50an hingga menuju ke arah merealisasikan Wawasan 2035 menerusi Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21).

Pemilihan tajuk tersebut bersesuaian dengan konsep persembahan yang menjurus kepada bidang pendidikan yang menjadi salah satu strategi utama dalam Wawasan 2035.

Antara signifikan acara seperti ini, ia dapat menyuntik semangat patriotisme dan kenegaraan yang tinggi, di samping dapat mengukuhkan perpaduan dan keharmonian rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Keamanan dan kemakmuran di negara ini setentunya akan dapat sentiasa ditanai dan dipertingkatkan lagi oleh rakyat dan penduduk sebagai tanda syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih ke hadapan majlis baginda yang adil dan bijaksana, memimpin negara selaku payung tempat seluruh rakyat dan penduduk berlindung.



PERSEMBAHAN dari Dearah Belait bertajuk 'Menyusur Tamadun Ilmu'.

Persediaan KPSSU capai sasaran pengeluaran kasar 4.5 bilion

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Julai. - Tahun 2012 merupakan sepuluh tahun pertama bagi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) melaksanakan sasaran 2023 yang merupakan perkara penting untuk melihat pencapaian dalam jangka waktu tersebut dengan memberikan peluang kepada kementerian berkenaan untuk menghalusi perancangan yang sedia ada dan akan datang.

Di samping itu, ianya juga adalah bagi persediaan KPSSU mencapai sasaran pengeluaran kasar 4.5 bilion pada tahun 2032.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan perkara itu pada Majlis Perasmian Hari Pelanggan KPSSU dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya Tahun 2012 yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, bangunan kementerian tersebut, Jalan Menteri Besar, di sini.

“Ke arah membantu kementerian ini untuk mencapai sasaran berkenaan, satu pelan strategik *framework* 2012-2017 telah dihasilkan. Di antara perkara yang penting yang perlu ditekankan ialah lapan penekanan strategik yang dikumpulkan kepada empat kluster iaitu sekuriti makanan, sosioekonomi, kepelbagaian ekonomi dan perusahan kecil dan sederhana (PKS). Melalui pendekatan secara kelompok ini bukan sahaja akan dapat meningkatkan produktiviti dan efisiensi, malah akan dapat memberikan kesan sinergi dan menggalakkan setia kawan dalam kerja harian,” jelas Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, melalui pameran dan sasaran empat kluster tersebut, kementerian ini juga akan menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat bagi perkara yang berkaitan dengan pemeriksaan haiwan kesayangan dan penjagaan ternakan, tanaman dan ikan. Di samping itu, pada pameran ini juga turut menyaksikan promosi produk-produk tradisional seperti songkok dan kain tenunan Brunei dan sebanyak enam buah syarikat telah ikut serta.

“Namun beberapa buah syarikat lain juga dijemput untuk turut serta bagi mempromosikan produk-produk buatan Brunei mengikut sektor masing-masing termasuklah juga beberapa buah syarikat yang pernah memenangi Anugerah SME’s dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan,” tambah Yang Berhormat.

Selain itu, Yang Berhormat juga menjelaskan pendekatan yang digunakan ialah menerusi Key Performance Indicator (KPI) yang betul, mudah diukur dan dipantau yang setentunya akan memudahkan kementerian ini untuk menilai sama ada apa yang dilakukan akan menepati matlamat.

“Ke arah meningkatkan keyakinan serta kepercayaan orang ramai pula, kementerian ini akan berusaha untuk memperoleh dan mencapai pengiktirafan ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti dan seterusnya bagi meningkatkan usaha yang lebih kreatif dan inovatif dalam mengembangkannya industri-industri *niche* yang berdaya tahan dan berdaya saing, kementerian ini akan bergerak ke arah penjenamaan semula (*rebranding*),” ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan mengenai beberapa kegiatan Hari Pelanggan tahun ini, yang terbahagi kepada tiga format iaitu sesi dialog-forum, pameran dan lawatan ke tapak-tapak perindustrian termasuk ke Marine Biodiversity Centre, Meragang; Aewon Garments and Embroidery Sendirian Berhad, Kilanas; A Fontane, Serusop dan Timber Tech, Kampung Salar.

Pada sesi dialog dan forum pula, jelasnya, akan menyaksikan sesi dialog secara terbuka yang akan disampaikan oleh Setiausaha Tetap KPSSU yang berkisar mengenai empat kluster pelan strategik dan beberapa forum yang akan disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama) yang memfokuskan tentang kepelbagaian ekonomi dan sekuriti makanan dan forum seterusnya mengenai sosio-ekonomi dan PKS yang akan disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan).

Hari Pelanggan KPSSU dan jabatan-jabatan di bawahnya bertujuan antara lain untuk menyahut dan melaksanakan kehendak surat keliling Jabatan Perdana Menteri 2006 yang mana mengkehendaki agensi-agensi kerajaan yang bertungkus lumus dengan orang ramai untuk mengadakan Hari Pelanggan pada setiap tahun.

Selain itu, ia juga dihasratkan untuk memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang dihidulurkan oleh KPSSU dan jabatan-jabatan di bawahnya, di samping dapat memupuk semangat silaturahmi di antara pegawai-pegawai kerajaan dan orang awam khususnya para pelanggan yang berurusan dengan pihak KPSSU.

Sambutan juga berperanan untuk meningkatkan lagi imej dan persepsi dalam kalangan para pengguna mengenai perkhidmatan-perkhidmatan di bawah kementerian dan mendapatkan maklum balas secara langsung daripada para pengunjung melalui Hari Pelanggan.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa berucap merasmikan Hari Pelanggan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan Jabatan-jabatan di bawahnya Tahun 2012.



YANG Berhormat semasa menyaksikan kehalusan kain tenunan Brunei yang dibukukan di sebuah petak pameran sempena Hari Pelanggan KPSSU dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya Tahun 2012.

Gunakan sepenuhnya peluang yang telah disediakan oleh kerajaan

Oleh : Noorati Hj Abas
Foto : Ihsan Nur Amalina Jennifer Abdullah Mok dari Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Julai. - Para mahasiswa adalah golongan yang memiliki kelebihan dari segi akademik dan telah diberikan peluang oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

untuk melanjutkan lagi pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi dengan pengurniaan pelbagai jenis biasiswa.

Dengan kelebihan dan peluang yang dinikmati oleh para mahasiswa itu, maka mereka mampu berada pada kedudukan yang lebih baik dalam

masyarakat suatu masa nanti kerana tidak semua pelajar mempunyai kesempatan atau menikmati gelaran sebagai mahasiswa.

Demikian ditekan oleh Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof dalam Majlis Penutupan Rasmi Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2012 yang berlangsung di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan.

Beliau seterusnya menyeru para mahasiswa untuk menggunakan sepenuhnya peluang dan ruang yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan sebaiknya.

“Saya juga menaruh harapan semoga perkampungan sivik ini telah dapat memberikan manfaat yang berguna kepada para peserta,” ujamya.

Terdahulu majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah diikuti dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan Negara ‘Allah Peliharakan Sultan’ serta lagu patriotik ‘Bendera Negara’ dan seterusnya ucapan alu-aluan Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Ketua Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ramli bin Awang Ismail.

Katanya, perkampungan sivik mahasiswa seberang laut pada tahun



SETIAUSAHA Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof menyampaikan sijil kepada seorang peserta yang menyertai Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2012.

ini merupakan anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajian Islam, KHEU dengan tujuan untuk memberikan kefahaman mengenai hal ehwal kerajaan dan negara.

Kemudian acara diakhiri dengan penyampaian sijil kepada para mahasiswa dalam perkampungan sivik yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Dengan adanya program ini antara

lain untuk memupuk dan menanam semangat kenegaraan yang berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB), di samping memberikan ruang untuk berbincang dan memahami keperluan semasa bagi kemajuan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang.

Juga hadir ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar serta pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Penerangan.



SEBAHAGIAN para mahasiswa yang menghadiri Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2012.

Kementerian Pendidikan lancar 66 Kali Khatam Al-Qur'an

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis. - Seramai 132 pelajar institusi pengajian tinggi, Jabatan Pendidikan Teknik, sekolah-sekolah menengah, sekolah-sekolah rendah dan sekolah swasta yang terpilih memulakan bacaan 66 Kali Khatam Al-Qur'an Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-66 Tahun pada 28 Jun 2012.

Bagi para pelajar institut pengajian tinggi terpilih 32 orang lelaki dan perempuan, Jabatan Pendidikan Teknik 20 pembaca lelaki dan perempuan, sekolah menengah 30 pelajar lelaki dan perempuan, sekolah rendah 20 peserta lelaki dan perempuan dan sepuluh pembaca wakil dari sekolah-sekolah swasta.

Pelancaran memulakan pembacaan Al-Qur'an 66 Kali Khatam bagi Kementerian Pendidikan telah disempurnakan sendiri oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dengan mendahului bacaan Surah Al Faatihah.

Majlis berlangsung di Dewan Sukma Indra, Sekolah Rendah Rimba II yang bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah kemudian diteruskan dengan membaca Surah Al Baqarah dari ayat satu hingga 66.

Membaca 66 Kali Khatam adalah bagi mendapatkan keredaan dan kerahmatan Allah Subhanahu Wata'ala agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia dilanjutkan usia dan akan kekal qarrar memerintah dengan

petunjuk dan inayah Allah.

Dengan niat membaca Al-Qur'an 30 juz dihadiahkan kepada Kebawah DYMM supaya hasrat baginda untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang aman, makmur dan maju dengan petunjuk Allah serta menyahut hasrat baginda bagi menjadikan negara ini sebuah 'Negara Zikir' ke arah menuju *Baldatum Tahyibatun Warabbun Ghafur*.

Al-Qur'an adalah mukjizat yang paling agong semoga dengan membaca ayat-ayat Allah akan menambah keimanan dan ketakwaan kepada semua pelajar dan seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

Antara yang hadir termasuklah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni serta pegawai kanan dari kementerian tersebut.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong memulakan bacaan Al-Qur'an 66 Kali Khatam Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-66 Tahun. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Pupuk minat membaca Al-Qur'an

Oleh :
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN. - Dayang Zainah binti Haji Daud yang mewakili Daerah Belait muncul juara Kategori 'A' Pertandingan Musabaqah Tilawatil Qur'an anjuran Persatuan PERTIWI Negara Brunei Darussalam.

Sementara naib juara dalam kategori yang sama iaitu ahli berusia 36 hingga 50 tahun disandang oleh Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abd. Wahab, wakil Daerah Brunei Muara (DBM) dan tempat ketiga ialah Dayang Hajah Norsyafiqah binti Haji Mohd. Apong mewakili Daerah Tutong.

Pertandingan Musabaqah Tilawatil Qur'an telah diadakan di keempat-empat daerah pada bulan Mei dan peringkat akhirnya berlangsung pada 22 Jun 2012 yang baru lalu merupakan salah satu usaha persatuan tersebut untuk menggalakkan dan memupuk minat ahli-ahlinya dalam bidang pembacaan Al-Qur'an.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Musabaqah Tilawatil Qur'an Persatuan PERTIWI diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas yang disempurnakan oleh isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Alimah binti Mohd. Taib, selaku tetamu kehormat.

Johan Kategori 'A' membawa pulang piala pusingan sumbangan Yang Di-Pertua Persatuan PERTIWI, Datin Hajah Dayang Hajah Jusnani binti Haji Lawie berserta piala iringan, wang tunai dan hadiah iringan.

Sebanyak tiga kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori 'A' (ahli berusia 36-50 tahun), Kategori 'B' (murat bagi ahli berusia 51 tahun ke atas) dan Kategori 'C' (hafalan bagi anak/cucu perempuan ahli yang

berusia 10 hingga 14 tahun).

Bagi Kategori 'B' pula, johan diraih oleh Pengiran Masnunah binti Pengiran Haji Salleh, wakil DBM manakala naib johan dimenangi oleh Dayang Hajah Zainah binti Dato Paduka Haji Abd. Wahab mewakili Daerah Tutong dan tempat ketiga disandang oleh Dayang Hajah Bapiah binti Haji Alias wakil Daerah Belait.

Johan Kategori 'B' menerima piala pusingan sumbangan Naib Yang Di-Pertua Persatuan PERTIWI, Datin Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof berserta piala iringan, wang tunai dan hadiah iringan.

Sementara itu, Dayang Intan Nur Aiman binti Haji Zaidin pula diumumkan sebagai johan bagi Kategori 'C' setelah menewaskan Dayang Nurul' Aini Nadhirah binti Haji Md. Junaidi selaku naib johan, kedua dari DBM, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Rabihtul Adawiyah binti Rosli mewakili Daerah

Belait.

Dayang Intan Nur Aiman menerima piala pusingan sumbangan Pengerusi Tetap Persatuan PERTIWI, Datin Hajah Fatimah binti Dato Seri Setia Abang Haji Razali, piala iringan, wang tunai dan hadiah iringan.

Pertandingan Tilawatil Qur'an merupakan salah satu kegiatan Persatuan PERTIWI yang dikendalikan tiap dua tahun sekali bermula dalam tahun 1991.

Atas beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan, kali terakhir pertandingan ini diadakan adalah pada tahun 2007.

Antara tujuannya diadakan adalah bagi menggalakkan dan memupuk minat ahli-ahli persatuan dari pelbagai peringkat dalam bidang pembacaan Al-Qur'an dari peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi.

Ia juga adalah sebagai usaha dan sokongan untuk mendidik, mengasuh dan mencungkil bakat ahli-ahli supaya membaca Al-Qur'an dengan lebih baik dan berani tampil pada khalayak ramai.

Majlis Khatam, Doa Kesyukuran 54 Tahun Penubuhan JIPK

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

JERUDONG, Sabtu, 30 Jun. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an dan Doa Kesyukuran Sempena Penubuhannya Yang Ke-54 Tahun bertempat di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, di sini.

Menyertai acara keagamaan tersebut selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan diikuti dengan Majlis Khatam Al-Qur'an dan disusuli dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dan membaca Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh imam masjid berkenaan.

Majlis bertujuan bagi menandakan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala sempena dengan penubuhan jabatan berkenaan yang disambut pada setiap 1 Julai, di samping bagi mengeratkan lagi ukhuwah dalam kalangan pegawai dan kakitangan JIPK.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, Setiausaha - Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, pegawai-pegawai dan kakitangan JIPK, ahli-ahli takmir masjid serta penduduk kampung sekitarnya.

JIPK ditubuhkan secara rasminya pada tahun 1958 sebagai salah satu agensi di bawah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menguatkuasakan Undang-Undang Imigresen.

Sejak mula ditubuhkan sehingga sekarang, JIPK telah banyak mengalami perubahan sejajar dengan arus perkembangan zaman seperti dalam bidang teknologi maklumat dan infokomunikasi malahan juga penglibatan pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Antara pencapaian tahun 2012 JIPK antaranya; Pelaksanaan kemudahan 'Frequent

Travelers Facility' antara warga Negara Brunei Darussalam dan Malaysia; Mempergiatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang melalui pembarigangan undang-undang imigresen melalui promo televisyen dan poster-poster; Kompleks Kawalan dan Pemeriksaan Ujung Jalan, Daerah Temburong yang mana telah mula beroperasi pada 24 April 2012; Pembukaan Kaunter Kad Pengenalan pada setiap tengah hari waktu bekerja dan setiap hari Jumaat dibuat di Ibu Pejabat dan Cawangan Kuala Belait; Pengendalian sesi induksi kepada bakal-bakal calon ujian Bahasa Melayu secara bertulis di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam pada bulan Jun yang lalu; dan Pengendalian kursus-kursus kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan jabatan tersebut bagi tujuan mempertingkatkan kemahiran, kredibiliti dan efisiensi dalam memberikan perkhidmatan pada orang ramai.

Dalam pada yang sama, jabatan berkenaan sentiasa berusaha mengatur strategi-strategi dan perancangan-perancangan pendek dan panjang dalam menjaga kesejahteraan hal ehwal pegawai dan kakitangan untuk menjaga kemaslahatan bersama.



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Alimah binti Mohd. Taib menyampaikan hadiah kepada johan Kategori 'A', Dayang Zainah binti Haji Daud wakil dari Persatuan PERTIWI Daerah Kuala Belait. - Foto : Azmah Haji Ahad.

GE komited berikan sumbangan berterusan

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Jun. - Penubuhan Ibu Pejabat Baru General Electric International Inc. (GE) di Negara Brunei Darussalam bukan sahaja menandakan satu lagi kejayaan untuk syarikat tersebut tetapi lebih penting lagi, ia juga menandakan komitmen dan keinginannya untuk menyumbang kepada pembangunan berterusan negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong menyatakan perkara tersebut pada Majlis Perasmian Ibu Pejabat Baru GE International Inc. di Bangunan Teck Guan Plaza, di sini.

Jelas Dato Paduka yang juga selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), dengan kedudukan GE yang mengagumkan pada peringkat global, ia bukan sahaja boleh mendatangkan jenama terkenal ke Brunei tetapi secara dasarnya, ia membawa bersama kepakaran dari pelbagai sektor yang luas melibatkan GE pada masa ini, sama ada dari penggunaan tenaga dan penerbangan hingga penjagaan kesihatan dan teknologi inovasi.

Di samping itu tambahnya, pelaburan besar GE dalam inisiatif 'Ecomagination' bagi membangunkan penyelesaian inovatif untuk masa depan yang lebih mapan juga sangat baik, sejajar dengan inisiatif tenaga strategik negara iaitu ke arah meningkatkan kecekapan tenaga, penjimatan tenaga serta menggunakan teknologi yang boleh

diperbaharui dan bersih untuk penjanaan kuasa dan aplikasi industri.

"Di Brunei, kami telah melihat penglibatan GE dalam sektor tenaga melalui penggunaan turbin gas GE dalam loji janakuasa kami. Dengan penubuhan baru GE di Brunei, saya menjangka bahawa peluang-peluang baru dan pengongsian akan timbul yang boleh menyumbang kepada aspirasi Brunei ke arah memperkukuh sektor tenaga. Khususnya, melalui kepakaran GE dalam sektor ini, kita ingin melihat penggunaan dan kemunculan teknologi baru seperti teknologi grid pintar dan penjana kuasa yang lebih baik yang pastinya akan mengurangkan intensiti tenaga negara melalui kecekapan tenaga dan pemuliharaan (Energy Efficiency and Conservation-EEC). Tambahan pula, saya percaya negara dapat memanfaatkan penyelesaian inovatif baru yang sedang dihasilkan oleh GE seperti tenaga solar, sel-sel bahan api dan pencahayaan (*lighting*) yang cekap," ujarnya.

Dato Paduka berharap GE akan dapat meneroka peluang-peluang lain di Negara Brunei Darussalam bukan saja dari aspek sektor tenaga tetapi juga bekerjasama dengan pihak kerajaan termasuk institusi pengajian tinggi untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) khusus selaras dengan tumpuan dalam bidang R&D negara pada masa ini seperti teknologi air untuk memperbaiki hasil tanaman, perubatan dan pengimejan teknologi untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan

yang lebih baik dan penyelesaian IT bagi meningkatkan automasi.

Satu lagi bidang utama yang perlu diambil perhatian dan dimanfaatkan tambahnya, ialah pembangunan modal insan memandangkan GE dilihat sebagai pemimpin dalam pelbagai sektor.

Kerjasama antara universiti dan syarikat tempatan menurutnya, perlu digalakkan berasaskan pembangunan modal insan melalui penubuhan sebuah pusat latihan tempatan untuk melengkapkan rakyat tempatan dengan kemahiran yang bernilai yang akan menyumbang kepada mempercepatkan pembangunan industri negara.

Dato Paduka juga menyarankan agar GE akan dapat meluaskan jangkauan geografi dalam penawaran produk dan perkhidmatan dari pejabat Brunei dan menempatkan kedudukannya sebagai sebuah perkhidmatan dan hab pengeluaran untuk negara dan sekitar rantau ini.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluan Ketua Pegawai Eksekutif, GE ASEAN, Stuart Dean antara lain berkata, kehadiran GE sudah sekian lama dalam rantau ASEAN dan telah merekodkan kejayaan bersama dengan mewujudkan rakan kongsi tempatan untuk memudahkan cabaran penyelesaian pembangunan di rantau ini.

Tambahnya, pejabat baru GE di Bandar Seri Begawan telah menunjukkan komitmen jangka panjang mereka terhadap ASEAN dan Negara Brunei Darussalam, yang mana mereka akan bekerjasama dengan lebih rapat dengan pihak kerajaan dan sektor swasta untuk membantu mencapai ekonomi yang dinamik dan mampan di bawah Wawasan Brunei 2035.

GE merupakan sebuah syarikat perniagaan global yang kukuh dari segi infrastruktur dan kewangan, sejajar dengan hasrat memenuhi keperluan hari ini, termasuk permintaan untuk infrastruktur global, perkembangan dan perubahan demografi bagi keperluan akses kepada penjagaan kesihatan, kewangan dan maklumat dan teknologi alam sekitar.

MINDEF tandatangani kontrak pembelian helikopter Black Hawk S-70i™

POLAND. - Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam (MINDEF) menandatangani kontrak dengan Sikorsky International Operations Inc. untuk penghantaran 12 helikopter Black Hawk S-70i™ dengan alat-alat ganti, peralatan bantuan dan pakej latihan pada 26 Jun 2012.

Sehingga kini, projek tersebut telah mencapai beberapa kejayaan utama termasuk penyiapan beberapa penilaian reka bentuk dan beberapa penyiapan pesawat dibina di PZL Mielec, Poland.

PZL Mielec, sebuah Syarikat Sikorsky, merupakan anak syarikat United Technologies Corp, menghasilkan helikopter Black Hawk S-70i™ yang merupakan variasi terbaru helikopter UH-60M Black Hawk antarabangsa yang digunakan oleh tentera Amerika Syarikat.

Satu pasukan daripada Kementerian Pertahanan baru-baru ini telah mengadakan lawatan ke tapak kemudahan PZL Mielec di Poland serta menyaksikan ujian penerimaan kilang bagi helikopter Black Hawk S-70i™ Brunei.

Dua pesawat yang pertama baru-baru ini telah

selesai ujian penerimaan kilang di Poland pada bulan April 2012.

Pesawat pertama dijadualkan akan diserapkan ke Pusat Kelengkapan Tentera Sikorsky (SMCC) di Amerika Syarikat pada Oktober 2012 bagi permulaan kerja penyesuaian untuk menghasilkan pesawat unik yang memenuhi keperluan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Penyerahan 12 helikopter Black Hawk S-70i™ akan menggantikan armada semasa helikopter Bell 212 dan meningkatkan keupayaan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei di dalam meningkatkan pergerakan, mencari dan menyelamat (SAR) dan meningkatkan pengawasan perairan dan sempadan Brunei Darussalam.

Penghantaran pesawat baru canggih ini juga akan membolehkan ABDB mengukuhkan lagi keupayaan penempatan tentera dalam operasi bantuan ketenteraan dan kemanusiaan dan bencana di rantau ini.

Kumpulan pertama pesawat yang unik ini dijangka akan dihantar ke Brunei pada awal 2014.

Pameran 'Rumah Idaman' usaha BIBD ke arah keharmonian hidup

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Jun. - Mempunyai sebuah rumah adalah menjadi idaman setiap individu dan rumah merupakan asas yang penting dalam keharmonian hidup semua selain tempat berlindung, tempat istirahat setelah selesai menunaikan kewajipan atau tugas masing-masing.

Dalam menyampaikan hasrat mendapatkan rumah sendiri, selain daripada melalui pinjaman-pinjaman yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan kerajaan, orang ramai khususnya yang bekerja pada pihak swasta boleh juga mendapatkan pinjaman atau *housing loan* daripada institusi kewangan seperti bank.

Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar selaku tetamu kehormat berucap demikian pada Majlis Pameran Rumah (Home Showcase) anjuran Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) bertempat di Atrium, The Mall Gadong, di sini.

Menurut beliau, usaha untuk mengadakan Pameran 'Rumah Idaman' adalah merupakan satu usaha yang patut diberi pujian kerana ini adalah untuk memperkenalkan produk-produk dan perkhidmatan yang ada ditawarkan oleh BIBD.

"Orang ramai khususnya para pelanggan akan dapat mengetahui dan diperkenalkan mengenai tatacara bagaimana untuk mendapatkan rumah idaman mereka termasuklah proses-proses yang terlibat dari pelbagai peringkat dan agensi kerajaan," terang beliau.

Sementara itu, Kementerian Pembangunan selaku jentera penggerak kepada Penyediaan Infrastruktur,



SETIAUSAHA Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar ketika menyampaikan ucapan. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Pengawasan Penggunaan Tanah, Kemajuan Industri Pembinaan dan Pemeliharaan Alam Sekitar, tegasnya memainkan peranan penting bagi memastikan bangunan-bangunan persendirian yang dibina, dijual beli mengikut piawaian dan peraturan yang telah digariskan dan diperkuatkan.

Tambahnya, semua cadangan kemajuan tanah dan pembinaan bangunan sama ada bangunan komersial atau rumah kediaman di dalam kawasan bandar dan jua di kawasan luar bandar memerlukan permohonan yang lengkap berpandukan reka bentuk yang memenuhi peraturan pihak berkuasa dan piawaian-piawaian yang telah diguna pakai di negara ini, selain itu ia tidak terkeluar dari batasan-batasan atau *parameters* yang ditetapkan sebelum kerja-kerja tanah dan pembinaan dimulakan.

Beliau seterusnya menambah, adalah penting bagi pihak pemaju dan orang ramai dan jua pihak institusi kewangan seperti bank yang memberikan kemudahan-kemudahan pinjaman *loan* memastikan bahawa segala prasyarat perlu diikuti dan dipatuhi sebelum permohonan dibuat.

Sementara itu dalam ucapan alu-aluan Pengarah Urusan BIBD, Javed Ahmad yang mana antara lain menyatakan bahawa BIBD kini menawarkan pembelian rumah yang berpotensi dalam menyelesaikan kewangan seperti BIBD Rumah Plus, Pembiayaan Rumah (Home Financing) dan Pembiayaan Peningkatan Rumah (Home Improvement Financing).

Jelas Pengarah Urusan BIBD, BIBD berharap untuk membantu individu dalam menyedari akan kepentingan memiliki rumah dalam pembangunan perumahan.

Pada pameran tersebut para pelanggan juga berpeluang untuk berbincang bersama-sama perunding kewangan BIBD yang bertauliah dan berkelayakan Islam dalam merancang kewangan untuk perancangan kewangan bebas.

Di samping itu, mereka juga dapat memberikan rundingan penyelesaian kewangan terbaik untuk pelanggan bagi mencapai matlamat mereka.

Salah satu penyelesaian terkenal BIBD bagi pembiayaan rumah adalah BIBD Rumah Plus, Produk Pembiayaan Rumah yang mempunyai ciri-ciri unik termasuk tempoh pembayaran sehingga 30 tahun dan jumlah pembiayaan sehingga BND1 juta.

Pameran anjuran BIBD yang diadakan selama sembilan hari itu juga turut membukakan permohonan Kad Debit BIBD atau menukar ATM mereka yang sedia ada untuk Kad Debit BIBD bagi setiap seratus pelanggan pertama setiap hari yang singgah ke pameran tersebut, di samping membawa pulang barangan baucar BIBD eksklusif.

Sepanjang pameran dijalankan bermula pada pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam beberapa aktiviti bersama keluarga turut diadakan antaranya peraduan mewarna dan bermacam-macam lagi.

Untuk sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi ke Pusat Pelanggan BIBD pada talian 2238181 untuk keterangan yang lebih lanjut.

KERJASAMA antara universiti dan syarikat tempatan menurutnya, perlu digalakkan berasaskan pembangunan modal insan melalui penubuhan sebuah pusat latihan tempatan untuk melengkapkan rakyat tempatan dengan kemahiran yang bernilai yang akan menyumbang kepada mempercepatkan pembangunan industri negara.

Sumbangan bakti Persatuan Bekas Perajurit

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

TEMBURONG. - Matlamat utama penubuhan Persatuan Bekas Perajurit (PBP) Negara Brunei Darussalam adalah untuk memberi bantuan kepada ahli-ahlinya yang memerlukan bantuan.

Sehubungan dengan itu, PBP Negara Brunei Darussalam mengadakan Majlis 'Sumbangan Bakti' berupa kerusi roda dan keperluan asas dalam satu majlis yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok, Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Mukim Bokok pada 24 Jun 2012.

Penyampaian *sumbangan bakti* berupa kerusi roda disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apung kepada lima orang penerima, yang mana sebuah daripadanya adalah sumbangan bakti Yang Amat Mulia sendiri.

YAM juga menyempurnakan penyampaian songkok kepada ahli-ahli baru PBP Cawangan Daerah Temburong.

Sementara itu, lapan buah keluarga lagi menerima bantuan berupa keperluan asas disempurnakan oleh isteri YAM, Pengiran Datin Seri Laila Jasa Hajah Zabeadah binti Pengiran Laila Ratna Wangsa Pengiran Haji Metussin.

Ketika berucap Yang Di-Pertuan PBP Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Datu Paduka Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Shari bin Ahmad mengingatkan kepada ahli-ahli PBP khususnya ahli-ahli Cawangan Daerah Temburong bahawa kerjasama dan paduan adalah tunjang keteguhan berpersatuan.

"Ke arah itu saya ingin menyeru supaya ahli-ahli Cawangan Daerah Temburong terus mengamalkan

sikap hormat-menghormati dan saling membantu untuk memantapkan kecemerlangan cawangan ini," ujarnya.

Sikap hormat-menghormati ini katanya lagi adalah penting untuk mencapai matlamat persatuan secara menyeluruh.

Ke arah itu, YAM menyeru supaya pucuk kepimpinan cawangan berkenaan akan mengambil langkah-langkah positif dalam mengendalikan sikap anak-anak buah yang lalai dalam memberi kerjasama sepenuhnya kepada pucuk kepimpinan di Pusat PBP.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian derma kematian kepada 3520 PW2 (B) Kassim bin Abd. Ghani di atas kembalinya ke rahmatullah anak perempuannya, disempurnakan oleh Pengerusi PBP Cawangan Daerah Temburong, PW1 (B) Haji Jambol bin Haji Kahar.

Terdahulu, rombongan yang juga termasuk Biro Wanita PBP membuat

YANG Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apung ketika menyempurnakan penyerahan sumbangan bakti berupa kerusi roda kepada seorang penerima. - Foto : Ah Chua.

lawatan ke rumah panjang Kampung Sibut, salah sebuah kampung yang berjaya memenangi pingat gangsa dalam Anugerah Kampung Cemerlang 2012 Peringkat Kebangsaan yang lalu.

Ketika berada di rumah panjang tersebut rombongan berkesempatan menyaksikan persembahan silat, tarian najat dan mengalami sendiri salah satu tradisi puak Iban iaitu *ranyai* yang merupakan salah satu upacara keramaian.

Juga hadir ialah ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat PW1 (B) Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusop.



Pegawai Pusat Pungutan Zakat lawat MUIB

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN. - Seramai 12 pegawai dari Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Malaysia mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), di Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 25 Jun 2012.

Rombongan berkenaan diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Malaysia, Encik Abdul Hakim Amir Osman.

Lawatan bertujuan untuk berkongsi maklumat tentang pengurusan, di samping mengadakan kerjasama strategik dalam pentadbiran bidang zakat antara kedua-dua buah institusi tersebut.

Sementara itu, Pemangku Setiausaha, MUIB, Awang Haji

Abdul Aziz bin Haji Akop dalam kata alu-aluannya juga antara lain menjelaskan mengenai penubuhan MUIB di negara ini.

Jelasnya, MUIB ditubuhkan pada tahun 1956 setelah tergubalnya Undang-Undang No. 20/1955 iaitu Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955.

Beliau menambah, undang-undang tersebut dikuatkuasakan pada 1 Februari 1956 pada zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Dengan tergubalnya undang-undang tersebut jelasnya, jawatan mufti diwujudkan manakala kedudukan kadi-kadi dan Mahkamah-mahkamah Kadi ditinggikan dan dikemaskan.

Juga hadir ialah pegawai-pegawai serta kakitangan MUIB.

Meningkatkan kecintaan Muslimah terhadap Al-Qur'an

Oleh : Nooratini Haji Abas

SENGKURONG, Rabu, 27 Jun. - Dayang Norliza binti Haji Sahar, Dayang Hajah Noraintan binti Haji Md. Said dan Dayang Hajah Alimah binti Haji Metassan masing-masing mewakili dari Masjid Kampung Sungai Teraban, Masjid Kampung Pelambayan, Masjid Mohammad Bolkiah, Kampung Serusop muncul juara dalam Kategori 'A', 'B' dan 'C' Pertandingan Akhir Menghafaz Surah Al Faatihah dan Membaca Ayat-Ayat Lazim bagi Muslimah - Muslimah Masjid Senegara Sempena Sambutan Israk dan Mikraj tahun ini.

Manakala naib juara Kategori 'A' dimenangi oleh wakil Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos, Dayang Siti Sara binti Haji Kamis dan Dayang Hajah Siti Noorshahwidayu binti Awang Haji Wahid wakil Masjid Kampung Perpindahan Serasa, pula mendapat tempat ketiga.

Bagi Kategori 'B', naib juara pertandingan tersebut disandang oleh Dayang Hajah Faridah binti Haji Md. Hanifah wakil Masjid Zainab, Lumut dan Dayang Hajah Jaloyah binti Abas wakil Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Lambak Kanan menyandang tempat ketiga.

Sementara Dayang



ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Alimah binti Mohd. Taib, selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan hadiah kepada johan Kategori 'A'.

Hajah Sainah binti Gantang wakil Masjid RPN Kampung Rataie dan Pengiran Hajah Salamiah binti Pengiran Haji Othman wakil Masjid Kampung Kiudang masing-masing menyandang naib juara dan tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Masjid Sultan Shariff Ali ialah isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Alimah binti Mohd. Taib.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai diketuai oleh Pegawai Pelajaran Ugama, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Dayang Siti binti Haji

Sabtu dan diikuti dengan ucapan alu-aluan Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, JHEM, Dayang Hajah Seimah binti Haji Abd. Salam selaku Pengerusi Majlis.

Pengerusi Majlis dalam ucapannya antara lain menyatakan bahawa program bertujuan untuk memberikan galakkan para muslimah masjid agar sentiasa membaca Al-Qur'an dengan baik dan sempurna terutamanya Surah Al Faatihah kerana ia merupakan salah satu rukun dalam sembahyang.

Dengan adanya pertandingan tersebut jelasnya akan dapat meningkatkan lagi kecintaan Muslimah khususnya terhadap kitab

Allah, di samping dapat menghayati ajaran Islam yang terkandung di dalamnya.

Acara diakhiri dengan menyaksikan persembahan Tausyeh dari muslimah Masjid Daerah Tutong dan seterusnya pengumuman pertandingan serta penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis anjuran Bahagian Hal Ehwal Muslimah JHEM, Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah bagi mengeratkan hubungan silaturahim dan persaudaraan dalam kalangan Muslimah masjid seluruh negara.

Para pelajar SMR didedahkan peristiwa Israk Mikraj

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

RIMBA. - Majlis Sambutan Israk Mikraj terus giat diadakan oleh pelbagai pihak dari sektor kerajaan dan swasta termasuk sekolah-sekolah rendah dan menengah di negara ini.

Turut mengadakan Majlis Sambutan Israk Mikraj Bagi Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi ialah Sekolah Menengah Rimba (SMR) bertempat di Dewan sekolah tersebut pada 25 Jun 2012.

Hadir dalam majlis tersebut ialah Guru Besar SMR, Dayang Siti Hawa binti Haji Mat Noor, timbalan pengetua, guru-guru dan para pelajar SMR.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat oleh Guru Jabatan Pengajian Ugama Islam, Awang Azri bin Haji Abd. Manaf diikuti persembahan bacaan Al-Qur'an Surah Al Israa', ayat 1-5 berserta terjemahannya oleh pelajar Tahun 9A, Awangku Mohd. Idrus bin Pengiran Sharifuddin.

Acara diteruskan dengan lakonan pentas bertajuk 'Diari Seorang Pelajar Sekolah Menengah Rimba' oleh para pelajar Tahun 7, Tahun 8, Tahun 9 Tahun 10 dan Tahun 11.

Majlis sambutan pada kali ini disambut berlainan daripada tahun-tahun sebelumnya yang diraikan dengan ceramah khas oleh para penceramah undangan.

Majlis turut diserikan dengan persembahan lakonan berbentuk Drama Pentomen, persembahan Dikir Asma Ul-Husna, persembahan Tausyeh dan nasyyid serta tayangan video berkonsepkan 'Keinsafan'.

Lakonan pentas satu babak itu mengisahkan seorang ustaz menceritakan secara ringkas peristiwa Israk Mikraj dan kejadian-kejadian yang berlaku sepanjang Israk Mikraj terutama sekali peristiwa yang mana Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dapat berdialog dengan Allah Subhanahu Wata'ala yang memerintahkan Baginda bersama umatnya menunaikan sembahyang sebanyak 50 waktu sehari semalam.

Tetapi Nabi Ibrahim dan Nabi Musa telah mengarahkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk meminta kepada Allah mengurangkan waktu solat tersebut menjadi lima waktu sahaja tetapi pahalanya tetap sama dengan pahala 50 waktu sehari semalam.

Majlis tersebut bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada pelajar-pelajar tentang kehidupan seharian seorang pelajar SMR dan menceritakan serba ringkas tentang kisah kejadian Israk Mikraj dan peristiwa-peristiwa yang berlaku serta menekankan kepada para pelajar akan kepentingan sembahyang lima waktu dan akibat jika meninggalkannya.

JMNK DN, JUMAI, MAIK adakan lawatan kerja ilmiah

BANDAR SERI BEGAWAN. - Serombongan delegasi seramai sebelas orang dari Jabatan Mufti Negeri Kelantan, Darul Naim (JMNK DN), Jumaah Ulama Majlis Agama Islam (JUMAI) dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) telah mengadakan lawatan kerja ilmiah ke Negara Brunei Darussalam selama empat hari bermula pada 5 hingga 8 Syaaban 1433 Hijriah bersamaan 25 hingga 28 Jun 2012, yang lalu. Jabatan Mufti Kerajaan Brunei telah menjadi tuan rumah bagi lawatan tersebut.

Rombongan tersebut telah diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah Negeri Kelantan, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Amar bin Nik Abdullah tiba di negara ini pada 25 Jun 2012 dan dialu-alukan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Turut serta dalam rombongan dari Negeri Kelantan itu ialah Mufti Negeri Kelantan/Pengerusi Jumaah Ulama, Yang Berhormat Sahibus Samahah Dato' Haji Mohammad Shukri bin Mohammad; Ketua Hakim Syarie/Ahli Jumaah, Yang Amat Arif Dato' Aria D'Raja Dato' Haji Daud bin Muhammad; Timbalan Mufti Negeri Kelantan/Timbalan Pengerusi Jumaah Ulama, Yang Berhormat Sahibul Fadhilah Dato' Haji Nik Abdul Kadir bin Nik Muhammad dan beberapa orang pegawai dari JMNK DN dan MAIK.

Yang Berhormat telah mengadakan muzakarah dengan delegasi tersebut di Darulifta' Brunei Darussalam pada 26 Jun yang lalu.

Dalam muzakarah tersebut Jabatan Mufti Kerajaan telah dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan yang diketuai oleh Mufti Kerajaan.

Antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai hal ehwal fatwa dan penyebaran ilmu Islam dan dakwah.

Terdahulu, ketibaan rombongan dialu-alukan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin berserta pegawai-pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan.

Acara bermula dengan bacaan Surah Al Fatihaah dan doa dibacakan oleh Pegawai Penyelidik Ugama Kanan, Awang Haji Mas Reduan bin Haji Jumat dan seterusnya taklimat mengenai Jabatan Mufti Kerajaan dan institusi fatwa disampaikan oleh Pemangku Pengarah Pentadbiran, Jabatan Mufti Kerajaan, Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain.



DELEGASI Negeri Kelantan, Darul Naim semasa membuat kunjungan hormat kepada Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Muhammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, di pejabat Yang Berhormat.

Setelah selesai muzakarah, rombongan berkenaan dibawa melawat ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah (BPIS), seterusnya beredar ke Lobi Darulifta' Brunei Darussalam untuk menikmati jamuan tengah hari dan pertukaran cenderamata seterusnya bergambar ramai.

Pada sebelah petangnya, rombongan delegasi Negeri Kelantan, Darul Naim mengadakan kunjungan ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). Ketibaan rombongan dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof serta pegawai-pegawai kanan dari kementerian berkenaan.

Di KHEU rombongan mendengar taklimat mengenai Majlis Ulama Islam Brunei (MUIB) disampaikan oleh Setiausaha MUIB, Awang Haji Abd. Wahab bin Haji Sappar; menyaksikan tayangan video Rancangan Strategi KHEU seterusnya mendengar taklimat mengenai Pusat Da'wah Islamiah.

Pada akhir kunjungan tersebut, delegasi Negeri Kelantan, Darul Naim telah membuat kunjungan hormat kepada Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Muhammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman di pejabat Yang Berhormat.

Dari KHEU rombongan berkenaan membuat kunjungan ke Mahkamah Syariah Brunei.



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menyampaikan cenderamata kepada Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah Negeri Kelantan, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Amar bin Nik Abdullah, selaku ketua rombongan tersebut.

Rombongan dialu-alukan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif/Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim berserta Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Di bangunan Mahkamah Syariah Brunei, rombongan mengadakan muzakarah bersama Ketua Hakim Syarie, Hakim-hakim

Mahkamah Tinggi dan pegawai-pegawai kanan Mahkamah Syariah Brunei seterusnya dibawa melawat pameran sejarah Mahkamah Syariah Brunei.

Pada hari ketiga lawatan iaitu pada 27 Jun, delegasi berkenaan dibawa melawat ke Kampung Ayer dan seterusnya ke 'Kampung Ayer National Heritage Museum'. Pada sebelah malamnya, rombongan diraikan oleh Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan jamuan Majlis Makan Malam di kediaman Yang Berhormat di Kampung Mulaut.

Delegasi Negeri Kelantan, Darul Naim berangkat pulang pada hari Khamis, 28 Jun setelah berada di negara ini selama empat hari.

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku tuan rumah lawatan Kerja Ilmiah delegasi JMNK DN ke negara ini menyifatkan lawatan tersebut berjaya meningkatkan jalinan hubungan silaturahim dan akan menjana pelbagai faedah daripada pertukaran fikiran dalam perkara ilmiah dan membuka pintu peluang untuk berkerjasama dalam bidang ilmu dan maklumat Islam yang setentunya akan melahirkan manfaat langsung kepada Jabatan Mufti Kerajaan, JPM, bukan sahaja untuk kefungsiannya, mengeluarkan fatwa dan irsyad, bahkan juga untuk agenda ilmunya iaitu mengumpul, mengembang dan menyebarkan ilmu Islam termasuk fatwanya. Semuanya itu sangat berfaedah kepada kemandapan agama dan kebajikan umat Islam di kedua-dua buah Dar (negara) seperti Negara Brunei Darussalam dan Negeri Kelantan, Darul Naim.



ROMBONGAN delegasi Negeri Kelantan, Darul Naim bergambar ramai bersama Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam ketika diraikan pada Majlis Jamuan Makan Malam di kediaman rumah Yang Berhormat di Kampung Mulaut.



MARILAH kita sama-sama meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong di kalangan hamba-hamba-Nya yang sentiasa melaksanakan *Amar Ma'ruf Nahi Munkar* serta mendapat keridaan Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di Akhirat.

Alhamdulillah, kita merasa bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah menjadikan negara kita sebuah negara yang berdaulat di bawah pemerintahan seorang raja yang kita kasihi. Adapun sistem pemerintahan beraja di negara kita ini telah wujud sekian lama di mana raja adalah sebagai pemegang tampok pemerintahan negara. Sebagai rakyat yang bernaung di bawah payung pemerintahan kita wajib patuh dan mentaatinya. Kita juga perlu mengenali baginda dan mengingati tarikh keputeraan baginda dan termasuklah juga mengetahui salasilah baginda.

Bagi Negara Brunei Darussalam, 15 Julai adalah tarikh bersejarah kerana tarikh itulah raja kita diputerakan dan pada setiap tahun diadakan Majlis Sambutan Hari Keputeraan baginda. Sebagaimana kelazimannya apabila saja menjelang sambutan tersebut, maka seluruh rakyat negara ini diarahkan mengibarkan bendera negara sebagai tanda membesarkan dan memeriahkan sambutan berkenaan dan lebih besar lagi sebagai tanda taat setia kepada raja dan negara.

Setiap negara di dunia ini mempunyai bendera masing-masing dengan identitinya yang tersendiri kerana bendera merupakan simbol atau lambang sesebuah negara, kedaulatan pemerintah dan bangsanya. Negara kita juga mempunyai bendera kebangsaan sendiri yang berwarna kuning, putih dan hitam serta di tengah-tengahnya terdapat panji-panji negara berwarna merah yang tertera perkataan bahasa Arab yang berbunyi ertinya: 'Sentiasa membuat kebajikan atau kebaikan dengan petunjuk Allah'.

Kata-kata yang termaktub pada panji-panji tersebut mengandungi makna iaitu sentiasa berkhidmat, berbakti, berjasa kepada agama dan negara dengan bimbingan serta petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala. Kata-kata ini amat relevan dijadikan sebagai konsep hidup dalam berkeuarga, bermasyarakat dan bernegara. Kata-kata ini juga bersesuaian dengan falsafah negara iaitu 'Melayu Islam Beraja' (MIB) serta menepati sebagaimana dikehendaki oleh ajaran agama Islam. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al Baqarah ayat 120 yang tafsir-Nya:

"Katakanlah kepada mereka sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam) itulah petunjuk yang benar."

Bendera merupakan lambang dan simbol negara, maka kita sebagai rakyat seharusnya menghormati bendera kita sebagai salah satu tanda cinta kita kepada negara. Bendera dapat membakar semangat patriotik dan semangat kenegaraan. Contohnya dalam sukan, setiap kontinjen mengibarkan bendera negara mereka masing-masing sebagai pengenalan negara yang diwakili. Jika persidangan permesyuaratan luar negara diadakan, bendera negara perwakilan diletakkan di atas meja masing-masing sebagai lambang pengenalan negara yang mereka wakili. Oleh itu tidak hairanlah jika seseorang rakyat yang berjiwa patriotik akan merasa marah dan terhina jika bendera negaranya dihina dan tidak dihormati.

Kibar bendera negara tanda taat setia kepada Raja

Sejarah Islam di dalam zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dapat dijadikan inspirasi betapa penghormatan pejuang-pejuang Islam terhadap panji-panji atau bendera. Pada tahun kelapan Hijriah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengarahkan satu angkatan tentera Islam untuk menghadapi ancaman Rom di negeri Syam (Syria) kerana disebabkan seorang utusan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang membawa surat dakwah Baginda iaitu Al-Harith bin Umair Al-Azda telah dibunuh dengan cara yang sangat kejam oleh seorang pembesar negara di Muktah. Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pun mempersiapkan dan mengatur angkatan perang yang seramai tiga ribu orang di bawah pimpinan Zaid bin Harithah. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berpesan kepada kaum Muslimin :

"Jika Zaid tewas, pimpinan hendaklah diserahkan kepada Jaafar bin Abi Thalib, dan jika Jaafar tewas, pimpinan hendaklah diserahkan kepada Abdullah bin Rawwahah, jika Abdullah bin Rawwahah tewas, maka biarlah kaum Muslimin sendiri memilih siapa yang akan menjadi panglima untuk memimpin mereka."

Semasa dalam pertempuran yang sengit itu, tentera Islam telah menunjukkan kepahlawanan masing-masing. Zaid bin Harithah yang membawa bendera Islam dengan penuh keberanian telah merempuh barisan musuh yang berlipat ganda jumlahnya. Tetapi Zaid bin Harithah telah ditewaskan, menyebabkan bendera yang dibawanya terlepas dari tangannya. Jaafar bin Abi Thalib yang melihat kejadian itu dengan cepat mengejar dan merebut bendera itu lalu memimpin angkatan perangnya untuk terus menyerang barisan tentera musuh.

Pihak musuh yang melihat kegagahan dan keberanian Jaafar itu lalu dengan cepat mengempunya dan menikam kuda yang ditunggangi Jaafar. Namun Jaafar tetap meneruskan pertempuran itu sehingga akhirnya pihak musuh dapat memotong tangan kanan Jaafar sehingga terputus dan menyebabkan bendera yang berada di tangan kanannya dengan cepat dipegang oleh tangan kirinya dan Jaafar terus maju dengan angkatan perangnya menyerang musuh. Tetapi akhirnya pihak musuh dapat pula memotong tangan kirinya sehingga memaksa Jaafar memeluk dan mengepit bendera yang dipegangnya dengan hujung sikunya yang sudah putus itu.

Pihak tentera musuh melihat kepahlawanan Jaafar yang begitu gagah, tidak mengenal sakit dan sengsara, maka mereka terus mengintai-intai mencari kesempatan untuk membunuhnya yang akhirnya mereka berjaya membunuh Jaafar sehingga tubuh Jaafar terbelah dua. Abdullah bin Rawwahah yang melihat peristiwa itu, dengan cepat merebut bendera Islam yang dibawa oleh Jaafar bin Abi Thalib itu dan menggantikan kedudukan Jaafar sebagai panglima yang memimpin angkatan perang dan meneruskan perjuangan menentang tentera-tentera musuh.

Inilah kisah keberanian pahlawan Islam dalam perjuangan mereka walau hingga terkorban nyawa demi menegakkan kebenaran kalamah Allah, di samping tidak rela panji-panji atau bendera Islam itu jatuh ke bumi kerana ia adalah simbol tanggungjawab kepimpinan yang telah diamanahkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Oleh itu, wahai kaum Muslimin, jadikanlah

peristiwa ini sebagai iktibar, pengajaran dan pembakar semangat dalam menjaga dan memelihara kehormatan bendera negara kita yang menjadi maruah bangsa dan negara. Perlu kita ambil perhatian bendera yang dikibarkan itu hendaklah dijaga kesempurnaan, jangan sampai bendera tersebut ada yang koyak dan pudar warnanya. Janganlah camah mata jika ternampak bendera negara yang tercir, bendera tersebut hendaklah diselamatkan, jangan dibiarkan martabat bendera itu tercemar.

Maka bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-66 Tahun pada 15 Julai 2012, marilah kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini sama-sama mengibarkan bendera yang bermula pada 1 Julai 2012 yang lalu sebagai tanda ketaatan dan kesetiaan kita kepada raja dan negara. Sama-samalah kita berdoa semoga raja, rakyat dan negara kita sentiasa mendapat berkat dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, Amin Ya Rabbal'alamin.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An Nisaa' ayat 59 yang tafsir-Nya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada rasul dan kepada ulil amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah berselisihan dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikan kepada kitab Allah (Al Qur'an) dan sunnah Rasul-Nya jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Yang demikian adalah lebih baik bagi kamu dan lebih elok pula kesudahannya."

وقت سمبهيغ داعيره بروني موارا دان تمبوروغ ، امساک ، شوروق دان ضحي

وقت سمبهيغ ، امساک ، شوروق دان ضحي بائي داعيره بروني موارا دري هاري سبتو 7 يلود 2012 برسامان دغن 17 شعبان 1433 هيجت
كهاري جمعة 13 جولي 2012 برسامان 23 نابعه 1433 اداله سفرت دباوه اين:

مسيحي يلود	هاري	هجريه شعبان	امساک	صبح	شوروق	ضحى	ظهر	عصر	مغرب	عشاء
7	سبتو	17	4 . 40	4 . 50	6 . 13	6 . 38	12 . 27	3 . 52	6 . 37	7 . 53
8	احد	18	4 . 40	4 . 50	6 . 13	6 . 38	12 . 27	3 . 52	6 . 38	7 . 53
9	اثنين	19	4 . 40	4 . 50	6 . 13	6 . 38	12 . 27	3 . 52	6 . 38	7 . 53
10	ثلاث	20	4 . 40	4 . 50	6 . 14	6 . 38	12 . 27	3 . 52	6 . 38	7 . 53
11	رابو	21	4 . 41	4 . 51	6 . 14	6 . 39	12 . 27	3 . 52	6 . 38	7 . 53
12	خميس	22	4 . 41	4 . 51	6 . 14	6 . 39	12 . 27	3 . 52	6 . 38	7 . 53
13	جمعة	23	4 . 41	4 . 51	6 . 14	6 . 39	12 . 28	3 . 52	6 . 38	7 . 53

وقت 2 سمبهيغ بائي داعيره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان داعيره بلايت دتمبه تيك مينيت دان سمبهيغ فرض جمعة دسلوروه نغارا بروني دارالسلام
دمولاي دري فوكول 12.45 تغه هاري

LUMUT, Rabu, 27 Jun. - Pasukan dari Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SURIPAS), Daerah Brunei dan Muara muncul juara Peraduan Dikir Syarafil Anam Peringkat Akhir Negara Bagi Sekolah-Sekolah Ugama dan Persediaan Arab bagi kumpulan lelaki.

Sementara pasukan dari Sekolah Ugama Pengiran Muda Muhammad Bolkiah (SUPMMB), Temburong menduduki naib juara dan tempat ketiga ialah pasukan dari Ma'had Islam Brunei, Tutong.

Manakala johan bahagian Kategori Kumpulan Perempuan, dari Sekolah Ugama Pengiran Jaya Negara Haji Abu Bakar (SUPJNHAB), Daerah Belait, naib johan, kumpulan dari Sekolah Ugama Binturan, Tutong dan tempat ketiga, Sekolah Ugama Negalang, Temburong.

Pertandingan diadakan di Sekolah Ugama Sungai Taring dan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah ialah Ketua Bahagian Ko-Kurikulum

SURIPAS, SUPJNHAB juara Dikir Syarafil Anam

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

di Jabatan Pengajian Islam (JPI), Awang Ismail bin Haji Mohd. Arshad.

Sebanyak 18 buah kumpulan mengandungi sembilan kumpulan lelaki dan sembilan kumpulan

perempuan bertanding pada peringkat akhir ini setelah berjaya pada peringkat separuh akhir yang diadakan di daerah masing-masing.

Peraduan merupakan projek

tahunan JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama sejak tahun 1996 bertujuan sebagai usaha untuk mengembangkan Dikir Brunei dan mengenalkannya kepada generasi baru serta menggalakkan pelajar-pelajar untuk membiasakan diri dengan warisan Islam Brunei.



SEBHAGIAN peserta bagi Kategori Kumpulan Perempuan ketika mengumandangkan Dikir Syarafil Anam.

Peluang mendekati kehidupan kulimambang

Rencana dan Foto :
Norliah Md. Zain
dan ihsan Pengiran Rafee
Pengiran Dato
Paduka Haji Metassim

PERJALANAN lebih satu jam dari Bandar Seri Begawan menuju ke Tasek Merimbun berbaloi apabila mengunjungi Taman Kulimambang (Taman Rama-Rama atau Butterfly Garden), iaitu sebuah taman yang menempatkan lebih 100 ekor kulimambang dari kira-kira lebih 30 spesies kulimambang tempatan. Menariknya taman ini kita boleh melihat secara *live* tentang putaran hidup kulimambang yang mana kulimambang yang pada asalnya adalah haiwan liar, menjadi haiwan yang jinak dan mahu menghampiri para pengunjung.

Taman ini telah dirasmikan pada 3 Julai 2012 oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah. Taman ini merupakan ilham daripada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omarali ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Kurator Ilmu Kejadian dan selaku Pengurus Taman Warisan Tasek Merimbun.

LANGKAH PERTAMA

Ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI, Yang Amat Mulia menjelaskan Taman Kulimambang ini merupakan langkah pertama untuk menengahkan Taman Warisan Tasek Merimbun sebagai sebuah tempat menarik yang utama di Negara Brunei Darussalam. Ini kerana Taman Warisan Tasek Merimbun merupakan satu-satunya Taman Warisan ASEAN di negara ini dan setentunya ia perlu dikembangkan dari segi kemudahan yang terdapat di taman tersebut.

Pegawai Muzium, Awang Haji Hassan bin Haji Munab menjelaskan, apa yang menggembirakan di taman ini ialah kulimambang yang asalnya liar ini sudah jinak. Kulimambang ini boleh menghinggap di tangan para pengunjung jika berpeluang. Dengan adanya kurungan yang dibina ia setentunya dapat melindungi, menghalang dan mengurangkan musuh-musuh kulimambang yang cuba memakan mereka.

Menurut Haji Hassan lagi, terdapat tiga ke empat peringkat dalam proses kitaran hidup bagi seekor kulimambang iaitu telur selama seminggu, pupa selama seminggu dan seterusnya menjadi kulimambang. Dalam taman kulimambang itu, kira-kira 30 jenis tanaman bunga ditanam bagi membantu pembiakan kulimambang. Ditanya bagaimana mereka mendapatkan kulimambang untuk disimpan di dalam sangkar pada awalnya, mereka menggunakan *blendon bite trap* untuk memerangkap kulimambang di mana mereka menyimpan makanan seperti nenas atau madu untuk dijadikan umpan. Selain itu mereka juga menggunakan siut untuk menangkap kulimambang. Ketinggian sangkar adalah lapan meter, sementara lebar adalah 17 x 17 meter. Perbelanjaan untuk membina sangkar dianggarkan berjumlah lebih BND80,000.

TUJUAN

Sementara itu Pegawai Kanan dari Jabatan Muzium-Muzium Brunei (JMB), Awang Kassim bin Ismail menyatakan tujuan pembinaan taman ini adalah untuk mempamerkan kepada orang ramai sebuah interaksi yang sangat menarik diantara spesies-spesies kulimambang dan



SUASANA di dalam Taman Kulimambang.



PENGAWETAN Kanan dari Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Awang Kassim bin Ismail.



PEGAWAI Muzium, Awang Haji Hassan bin Haji Munab.



PEGAWAI Pelancongan, Awang Mohd. Jeffrey bin Haji Mohd. Sunnylai.

tumbuh-tumbuhan yang mengelilingi mereka. Di taman ini kita dapat menyaksikan bagaimana serangga ini menggunakan bahagian mulutnya seperti tiub menghisap *nectar* dan madu bunga. Kita juga mungkin dapat menyaksikan ulat bulu memakan daun dan seterusnya menjalani proses transformasi menjadi dewasa.

"Setiap lawatan ke Taman Kulimambang ini menjadi satu inspirasi dan pengalaman baru kepada pengunjung," ujar Awang Kassim.

Beliau seterusnya berharap para pengunjung akan dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang pertalian ekosistem dan hidupan liar seperti kulimambang yang ada di taman tersebut. Kehidupannya yang menakjubkan memberikan peringatan kepada kita tentang pentingnya pemuliharaan biodiversiti negara ini secara mampan.

PENDEDAHAN

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit ketika ditemui berkata Taman Kulimambang yang pertama ini merupakan pendedahan yang baik untuk generasi sekarang dan akan datang dalam membantu penyelidikan. Di taman ini kita akan mengetahui proses kitaran hidup



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa memerhatikan kulimambang yang hinggap dijari. Hadir sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omarali ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Kurator Ilmu Kejadian dan selaku Pengurus Taman Warisan Tasek Merimbun.

but usaha JMB ini kerana ia boleh menaikkan profil destinasi ekopelancongan yang boleh dibanggakan dalam negara ini. Pelancong daripada luar negara setentunya teruja untuk menyaksikan pameran seperti ini dan setentunya menjadi tanggungjawab kita untuk memberikan informasi yang tepat untuk diberikan kepada mereka.

Usaha menubuhkan taman ini ujarannya adalah sejajar dengan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang pada masa ini sedang berusaha mencari ikon berunsur makanan kebangsaan dan binatang kebangsaan seperti ikan kebangsaan, labah-labah kebangsaan dan sebagainya. Usaha mengadakan taman ini penting untuk mendapatkan identiti bagi Negara Brunei Darussalam. Ia juga merupakan langkah bijak dalam mempromosi ekopelancongan serta meningkatkan lagi kemudahan dan produk Tasek Merimbun sejajar dengan rancangan Pelan Induk Pelancongan (Tourism Masterplan).

KUNJUNGAN ORANG RAMAI

Taman ini dibukakan kepada orang ramai iaitu pada hari Ahad hingga Khamis bermula pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang, hari Jumaat 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 hingga 5.00 petang. Sementara hari Sabtu bermula pukul 9.30 pagi hingga 5.00 petang. Orang ramai yang ingin mengunjungi taman berkenaan boleh menghubungi Dewan Pameran Taman Warisan Tasek Merimbun dengan talian 4269179.

Walaupun bagaimanapun lawatan ke taman ini adalah tertakluk kepada kebenaran pengurus taman dan keadaan cuaca pada hari tersebut. Faktor masa dan kebenaran pengurus mesti diambil berat bagi menjaga kesejahteraan semua pihak dan



JALAN masuk menuju ke Taman Kulimambang.

pemuliharaan keatas serangga berkenaan.

HARAPAN

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika ditemui berkata dengan adanya taman kulimambang di taman warisan ia merupakan sebagai satu lagi tambahan tarikan kepada pelancong-pelancong dan generasi muda terutama sekali bagi penuntut sekolah. Yang Berhormat berkata, taman tersebut bukan sahaja untuk bersantai bagi mengisi masa lapang tetapi boleh memberi pelajaran mengenai ekosistem, iaitu kaitan kehidupan manusia, alam sekeliling dengan serangga. Dari taman itu, pengunjung akan dapat merasakan pentingnya kitaran hidup serangga kepada kehidupan manusia. Ilham dalam penubuhan taman ini kata Yang Berhormat merupakan sumbangan yang sangat berharga dan memberikan nilai tambah kepada Tasek Merimbun.



SEBAHAGIAN daripada kulimambang yang sempat dirakamkan.

Berangkat ke Sovereign's Parade Pengambilan Ketujuh

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said,
Hatrul Hazmi Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat ke Upacara Sovereign's Parade Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan ABDB Pengambilan Ketujuh.

Baginda sempena upacara ini juga berkenan mengurniakan tith dan menauliahkan 26 Pegawai Tentera ABDB Pengambilan Ketujuh di Padang Kawad Sekolah Pegawai Kadet, Perkhemahan Sungai Akar, di sini.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Markas Sekolah Pegawai Kadet dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Sejurus keberangkatan, baginda berkenan menerima Tabik Hormat Diraja dan seterusnya memeriksa pasukan perbarisan terdiri daripada Kawalan Kehormatan Statik anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) dan Sovereign's Parade terdiri daripada 26 Pegawai Kadet Lelaki dan enam Pegawai Kadet Perempuan di bawah perintah perbarisan Kapten Laut, Pengiran Mohd. Faren bin Pengiran Mohd. Noor.

Pegawai Kadet tersebut terdiri daripada 12 Pegawai Kadet Tentera Darat, sembilan Pegawai Kadet Tentera Laut dan lima Pegawai Kadet Tentera Udara.

Juga menyertai perbarisan termasuk bakal Pegawai Kadet dari pengambilan kelapan Sekolah Pegawai Kadet ABDB.

Acara disusuli dengan perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat diikuti perbarisan mara ke hadapan.

Dalam upacara yang dijalankan mengikut tradisi ketenteraan ini, baginda juga berkenan mengurniakan anugerah bagi Pegawai Kadet Terbaik di setiap jurusan bagi Pengambilan Sekolah Pegawai Kadet ABDB Ketujuh.

Mendahului pengurniaan anugerah ialah 'Anugerah Pedang Kehormatan' kepada 19831 Pegawai Kadet (Udara) Muhammad Izdir bin Haji Imran, salah seorang penerima Biasiswa ABDB tahun 2006, lulusan 'Master in Aerospace Engineering' daripada Embur-Riddle Aeronautical Universiti Amerika Syarikat yang bakal ditempatkan sebagai Pegawai Juruterbang 3 Squadron, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Anugerah Pedang Kehormatan merupakan anugerah penghormatan tertinggi bagi seorang Pegawai Kadet yang dikurniakan oleh Kebawah DYMM.

Anugerah tersebut juga merupakan simbol tanggung kecemerlangan keseluruhan terbaik bagi Pegawai Kadet yang mempunyai pencapaian tertinggi di dalam latihan asas ketenteraan, akademik, fizikal dan latihan fasa kedua dalam semua aspek latihan.

Selain itu, Pegawai Kadet yang menerima anugerah tersebut juga mempunyai ciri-ciri keseluruhan yang mantap dan contoh terbaik dari segi komitmen, kepimpinan serta menunjukkan keperibadian yang positif dari awal hingga akhir latihan Pegawai Kadet di Sekolah Pegawai Kadet ABDB.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB merakamkan bergambar ramai bersama pegawai ABDB pada Upacara Sovereign's Parade Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan ABDB Pengambilan Ketujuh.

Baginda seterusnya berkenan mengurniakan Anugerah Terbaik Akademik kepada 19848 Pegawai Kadet Laut, Muhammad Muizz bin Haji Md. Jaimi, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda bidang Pendidikan dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), beliau akan ditempatkan sebagai Pegawai Dalam Latihan KDB Ijtihad, Markas Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Penerima Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera ialah 19830 Pegawai Kadet Laut, Mohammad Khairul Anuar bin Abdullah, mantan penerima Biasiswa Pemerintah Tertinggi ABDB 2005, berkelulusan 'Master of Naval Architecture' dari New Castle University, beliau akan ditempatkan sebagai Pegawai Dalam Latihan KDB Darulaman.

Seterusnya diikuti dengan pengurniaan Anugerah Terbaik Ketahanan Latihan Jasmani diterima oleh 19835 Pegawai Kadet Hafizan bin Haji Moxsin, lulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Fizikal UBD, beliau akan ditempatkan sebagai Ketua Platoon 7, Kompeni C Batalion Ketiga TDDB.

Atur cara diteruskan dengan tiga kali laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' dari pasukan perbarisan diikuti bacaan doa selama oleh Penolong Ketua Jabatan Agama ABDB (JAM'AAAT), Letenan Awang Ariffin bin Amit.

Selapas itu, baginda dijunjung berangkat ke Mes Pegawai bagi Majlis Santap Ringan diikuti dengan Majlis Junjung Ziarah dari pegawai-pegawai kadet beserta keluarga serta berkenan menerima pesambah 'The Atom' dari Upacara Sovereign's Parade Sekolah Pegawai Kadet ABDB Pengambilan Ketujuh.

Pesambah itu mempamerkan konsep teknologi moden yang menggambarkan perjalanan pegawai-pegawai kadet dari pegawai kadet sehingga menjadi seorang pegawai yang bertauliah.

Baginda di majlis ini juga berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Diraja dan buku perjalanan Pegawai Kadet Pengambilan Ketujuh.

Sebelum berangkat balik, baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada jurulatih-jurulatih dan pegawai-pegawai Sekolah Pegawai Kadet termasuk beberapa pegawai tentera dari negara-negara sahabat sebelum dijunjung berangkat menyertai sesi bergambar ramai.



TERTARIK ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan pameran berkonsepkan teknologi moden yang menggambarkan perjalanan Pegawai-pegawai Kadet daripada Pegawai Kadet sehingga menjadi seorang pegawai yang bertauliah (atas kiri dan bawah kiri), sementara gambar atas tengah, baginda berkenan beramah mesra dengan seorang Pegawai Kadet, manakala atas kanan, baginda berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Diraja dan buku perjalanan Pegawai-pegawai Kadet. Gambar-gambar bawah tengah dan kanan, baginda berkenan bergambar kenangan dan beramah mesra dengan sebahagian ahli keluarga dan Pegawai-pegawai Kadet.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat ke Upacara Sovereign's Parade Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan ABDB Pengambilan Ketujuh.



BAGINDA berkenan mengurniakan 'Anugerah Pedang Kehormatan' kepada 19831 Pegawai Kadet (Udara) Muhammad Izdir bin Haji Imran, seorang penerima Biasiswa ABDB tahun 2006, lulusan 'Master in Aerospace Engineering' daripada Embur-Riddle Aeronautical Universiti Amerika Syarikat yang bakal ditempatkan sebagai Pegawai Juruterbang 3 Squadron, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).



ANTARA Pegawai-pegawai Kadet Terbaik Pengambilan Ketujuh.



SUASANA bersejarah pada Upacara Sovereign's Parade Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan ABDB Pengambilan Ketujuh.

Mantapkan Pengurusan latihan

Dari muka 1

baginda merupakan suatu wawasan besar lagi berani yang wajar untuk di berikan pujian.

"Beta dengan ikhlas dan penuh bangga mengucapkan tahniah serta terima kasih kepada para ibu bapa yang berkenaan di atas sokongan dan kesedaran menggalakkan anak-anak mereka untuk menceburi bidang pertahanan ini.

Semoga restu dan doa mereka itu turut mendatangkan berkat dan rahmat kepada ABDB pada khususnya dan negara pada umumnya," titah baginda dengan penuh harapan.

Baginda turut melahirkan kegembiraan kerana dapat berangkat menghadiri Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ketujuh Sekolah Pegawai Kadet ABDB ini.

"Beta juga mengambil maklum bahawa 26 orang Pegawai Kadet telah pun berjaya menjalani latihan padu mereka selama 42 minggu.

"Di antara mereka itu termasuk juga dua pegawai kadet pemegang biasiswa pemerintah tertinggi dan biasiswa ABDB. Ini adalah merupakan sejarah manis semur hidup bagi mereka," titah baginda.

18.00 THE HUMAN MIRACLE
18.38 AZAN MAGHRIB
18.45 MENJELANG RAMADAN 2012
19.00 NIGHT 'Fer-De-Lance'
19.30 SELERA KAMPUNG
19.53 AZAN ISYAK
20.00 BERITA NASIONAL
21.00 DIALOG
21.30 DISASTER EYEWITNESS
22.00 NEWS AT 10
22.50 60 MINUTES



ISNIN 9 Julai

10.05 PENDIDIKAN : FLORRIES DRAGON
10.15 ANIMASI : ZHENG HE'S HAMTARO
10.45 DRAMA KOREA: THE GREAT QUEEN SEONDOECK
12.00 DRAMA MELAYU : TASBIH CINTA
12.27 AZAN ZUHUR
13.00 KOMEDI : EVERYBODY LOVES RAYMOND 'Crazy Chin'
13.30 DRAMA BERSIRI : NCIS: LOS ANGELES 'The Bank Job'
14.30 DRAMA TEMPATAN SITKOM : KOCEK YANG BERBUNYI
15.00 ANIMASI : HAMTARO
15.30 DRAMA INTERNATIONAL : MY GIRL
15.52 AZAN ASAR
16.30 PENDIDIKAN : KERWHIZZ
17.00 DRAMA INTERNATIONAL : RYOMADEN-THE LEGEND
18.00 DRAMA INTERNATIONAL : MY ONE AND ONLY LOVE
18.38 AZAN MAGHRIB
19.00 REALITI : HOLE IN THE WALL
19.53 AZAN ISYAK
20:00 DRAMA KOREA : BRAVO, MY LOVE
21:00 DRAMA MELAYU : TASBIH CINTA
22:00 BERITA NASIONAL
22:45 DRAMA BERSIRI: CHUCK 'Chuck vs The Gobbler'

SELASA 10 Julai

10.05 PENDIDIKAN : FLORRIES DRAGON
10.15 ANIMASI : BINDI THE JUNGLE GIRL
10.45 DRAMA KOREA: THE GREAT QUEEN SEONDOECK
12.00 DRAMA MELAYU : TASBIH CINTA
12.27 AZAN ZUHUR
13.00 KOMEDI : OUTSOURCED
13.30 DRAMA BERSIRI : THE ADVENTURES OF MERLIN 'The Wicked Day'
14.30 DRAMA TEMPATAN: BISIKAN HATI
15.00 ANIMASI : BLUE DRAGON
15.30 DRAMA INTERNATIONAL : MY GIRL
15:52 AZAN ASAR
16:30 PENDIDIKAN : KERWHIZZ
17:00 DRAMA INTERNATIONAL : RYOMADEN-THE LEGEND
18:00 DRAMA INTERNATIONAL : MY ONE AND ONLY LOVE
18:38 AZAN MAGHRIB
19:00 REMAJA : MY PLACE
19:30 SUKAN : SEA GAMES
19:53 AZAN ISYAK
20:00 DRAMA KOREA : BRAVO, MY LOVE
21:00 DRAMA MELAYU : TASBIH CINTA
22:00 BERITA NASIONAL
22:45 DRAMA BERSIRI : BONES
23: 30 SUKAN : FIA F1 WORLD CHAMPIONSHIP Great Britain - Silverstone

RABU 11 Julai

10.05 ANIMASI : NAN & LILI
10.15 ANIMASI : SONIC - X
10.45 DRAMA KOREA: THE GREAT QUEEN SEONDOECK
12.00 DRAMA MELAYU : TASBIH CINTA
12.27 AZAN ZUHUR
13.00 REALITI : POP CORN TV
13.30 DRAMA BERSIRI: CRIMINAL MINDS
14.30 DRAMA TEMPATAN : INTO THE WOODS
15.00 ANIMASI : MICKEY MOUSE CLUB HOUSE
15.30 DRAMA INTERNATIONAL: MY GIRL
15:52 AZAN ASAR
16:30 PENDIDIKAN : KERWHIZZ
17:00 DRAMA INTERNATIONAL : RYOMADEN-THE LEGEND
18:00 DRAMA INTERNATIONAL : MY ONE AND ONLY LOVE
18:38 AZAN MAGHRIB
19:00 REALITI : TOTAL WIPE OUT UK
19:53 AZAN ISYAK
20:00 DRAMA KOREA : BRAVO, MY LOVE
21:00 DRAMA MELAYU : TASBIH CINTA
22:00 BERITA NASIONAL
22:45 DRAMA BERSIRI: THE ADVENTURES OF MERLIN 'The Sword in the Stone (Part 2)'

KHAMIS 12 Julai

10.05 ANIMASI : NAN AND LILI
10.15 ANIMASI : SONIC - X
10.45 DRAMA KOREA: THE GREAT QUEEN SEONDOECK
12.00 DRAMA MELAYU : TASBIH CINTA
12.27 AZAN ZUHUR
13.00 REALITI : POP CORN TV
13.30 DRAMA BERSIRI : BONES 'The Plain In The Prodigy'
14.30 DRAMA TEMPATAN SITKOM : GENG LAMA
15.00 ANIMASI : DREAM TOWN
15.35 DRAMA INTERNATIONAL: MY GIRL
15:52 AZAN ASAR
16:30 PENDIDIKAN : KERWHIZZ
17:00 DRAMA INTERNATIONAL : RYOMADEN-THE LEGEND
18.00 DRAMA INTERNATIONAL : MY ONE AND ONLY LOVE
18:38 AZAN MAGHRIB
19.00 REALITI : TOTAL WIPE OUT UK
19.53 AZAN ISYAK
20.00 DRAMA KOREA : BRAVO, MY LOVE
21.00 DRAMA MELAYU : TASBIH CINTA
22.00 BERITA NASIONAL
22:45 DRAMA BERSIRI : CRIMINAL MINDS 'Coda'

JUMAAT 13 Julai

10.05 ANIMASI: BIG AND SMALL
10.15 ANIMASI: SONIC - X
10.45 DRAMA KOREA: THE GREAT QUEEN SEONDOECK
12.00 DRAMA INTERNATIONAL : TEPPAN
12.28 AZAN ZUHUR
13.00 KOMEDI : THE BIG BANG THEORY
13.30 DRAMA BERSIRI : VEGETABLE AMPLIFIER
14.30 REALITI : 'VIAGRA FALLS'
15.00 ANIMASI: POP CORN TV
15.30 DREAM TOWN
15.52 AZAN ASAR
16.30 PENDIDIKAN : BINDI, THE JUNGLE GIRL
17.00 DRAMA INTERNATIONAL : RYOMADEN-THE LEGEND
18.00 DRAMA INTERNATIONAL : MY ONE AND ONLY LOVE
18.38 AZAN MAGHRIB
19.00 REALITI : TOTAL WIPE OUT UK
19.53 AZAN ISYAK
20:00 DRAMA KOREA : BRAVO, MY LOVE
21:00 DRAMA TEMPATAN : GARISAN HIDUP
21:30 KOMEDI : THAT'S SO RAVEN
22:00 BERITA NASIONAL
22:45 SUKAN : ENGLAND INTERNATIONAL FRIENDLY 'England Lwn Belgium'

SABTU 14 Julai

10.05 ANIMASI : BIG AND SMALL
10.15 PENDIDIKAN : HAMTARO
10.45 DRAMA KOREA: THE GREAT QUEEN SEONDOECK
12.00 DRAMA INTERNATIONAL : TEPPAN
12.28 AZAN ZUHUR
13.00 KOMEDI : THAT'S SO RAVEN 'Dog Day Aftergroom'
13.30 DRAMA BERSIRI : BLUE BLOODS
14.30 REALITI : 'Model Behaviour'
15.00 ANIMASI: POP CORN TV
15.40 REALITI : KAMEN RIDER DRAGON KNIGHT
15.52 AZAN ASAR
16.30 ANIMASI : PHINEAS AND FERB
17.00 DRAMA INTERNATIONAL : RYOMADEN-THE LEGEND
18.00 DRAMA INTERNATIONAL : MY ONE AND ONLY LOVE
18.38 AZAN MAGHRIB
19.00 REALITI : CELEBRITY APPRENTICE
19.53 REMAJA: TEEN WOLF 'Heart Monitor'
20:00 DRAMA KOREA : BRAVO, MY LOVE
21:00 HIBURAN : MUZIK@4
22:00 BERITA NASIONAL
22:45 HINDI MOVIES : FIA F1 WORLD CHAMPIONSHIP 'Toonpur Ka Superhero'

AHAD 15 Julai

10.05 ANIMASI: I GOT IT
10.15 PENDIDIKAN : GUESS WHAT?
10.45 DRAMA KOREA: THE GREAT QUEEN SEONDOECK
12.00 DRAMA INTERNATIONAL : TEPPAN
12.28 AZAN ZUHUR
13.00 DRAMA BERSIRI : THE CAPE
14.00 HIBURAN : MINGGU CERIA
14.30 SENANDUNG GEMILANG HARI KEPUTERAAN
15.52 AZAN ASAR
16.00 ANIMASI : SONIC X
16:30 REMAJA : MY PLACE
17.00 DRAMA INTERNATIONAL : RYOMADEN-THE LEGEND
18.00 DRAMA INTERNATIONAL : MY ONE AND ONLY LOVE
18.38 AZAN MAGHRIB
19.00 REALITI : CELEBRITY APPRENTICE
19.53 AZAN ISYAK
20:00 DRAMA HARI KEPUTERAAN : 'CEKAL'
21:30 KOMEDI: EVERYBODY LOVES RAYMOND
22.00 BERITA NASIONAL
22:45 TAYANGAN GAMBAR : 'DEADLY IMPACT'

Tertakluk kepada perubahan semasa

LAYARI LAMAN WEB
WWW.RTB.GOV.BN
UNTUK SUSUNAN PROGRAM & SIPNOSIS RANCANGAN TV
SECARA ONLINE
TONTONI RTB4 INTERNATIONAL SECARA ONLINE,
LAYARI LAMAN WEB ORGANISASI RTB,
I-SINAR DAN NET RADIO

Hari Keputeraan ke-66

Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Tulus Ikhlas Daripada



ISNIN
9 Julai

- 14:00 SONIC X
- 14:30 DRAMA BERSIRI : THE MIDDLE 'The Math Class'
- 15:00 DRAMA BERSIRI : THE CAPE 'The Lich' Pt.2
- 15:52 AZAN ASAR
- 16:00 WILD JUSTICE CALIFORNIA 'Gator Invader'
- 17:00 PRINCESS GO
- 18:00 PHINEAS AND FERB
- 18:30 DRAMA BERSIRI : MIKE & MOLLY 'First Date'
- 18:38 AZAN MAGHRIB
- 19:00 DRAMA BERSIRI : NCIS : LOS ANGELES 'Little Angels'
- 19:53 AZAN ISYAK
- 20:00 NEW INVENTOR
- 21:00 DRAMA BERSIRI : PRINCESS GO
- 22:00 NEWS AT 10

SELASA
10 Julai

- 14:00 PHINEAS AND FERB
- 14:30 DRAMA BERSIRI : MIKE & MOLLY 'First Date'
- 15:00 DRAMA BERSIRI : NCIS : LOS ANGELES 'Little Angels'
- 15:52 AZAN ASAR
- 16:00 NEW INVENTOR
- 17:00 DRAMA BERSIRI : PRINCESS GO
- 18:00 MICKEY MOUSE CLUBHOUSE
- 18:30 DRAMA BERSIRI : EVERYBODY LOVES RAYMOND 'Counseling'
- 18:38 AZAN MAGHRIB
- 19:00 DRAMA BERSIRI : NCIS : LOS ANGELES 'Little Angels'
- 19:53 AZAN ISYAK
- 20:00 THE RE-INVENTORS 'Chinese Flamethrower' / 'The Davinci Tank'
- 21:00 DRAMA BERSIRI : PRINCESS GO
- 22:00 NEWS AT 10

RABU
11 Julai

- 14:00 MICKEY MOUSE CLUBHOUSE
- 14:30 DRAMA BERSIRI : EVERYBODY LOVES RAYMOND 'Counseling'
- 15:00 DRAMA BERSIRI : BONES 'Feet On The Beach'
- 15:52 AZAN ASAR
- 16:00 THE RE-INVENTORS 'Chinese Flamethrower' / 'The Davinci Tank'
- 17:00 DRAMA BERSIRI : PRINCESS GO
- 18:00 HAMTARO, LITTLE HAMSTER BIG ADVENTURE
- 18:30 DRAMA BERSIRI : THE BIG BANG THEORY 'The Gothniz Deviation'
- 18:38 AZAN MAGHRIB
- 19:00 DRAMA BERSIRI : PSYCH 'The Polarizing Express'
- 19:53 AZAN ISYAK
- 20:00 NEW INVENTOR
- 21:00 DRAMA BERSIRI : PRINCESS GO
- 22:00 NEWS AT 10

KHAMIS
12 Julai

- 14:00 HAMTARO, LITTLE HAMSTER BIG ADVENTURE
- 14:30 DRAMA BERSIRI : THE BIG BANG THEORY 'The Gothniz Deviation'
- 15:00 DRAMA BERSIRI : PSYCH 'The Polarizing Express'
- 15:52 AZAN ASAR
- 16:00 NEW INVENTOR
- 17:00 DRAMA BERSIRI : PRINCESS GO
- 18:00 HAMTARO : LITTLE HAMSTER BIG ADVENTURE
- 18:30 DRAMA BERSIRI : \$#! MY DAD SAYS 'The Truth About Moms And Dads'
- 18:38 AZAN MAGHRIB
- 19:00 DRAMA BERSIRI : SUITS 'Dirty Little Secrets'
- 19:53 AZAN ISYAK
- 20:00 NEW INVENTORS
- 21:00 DRAMA BERSIRI : PRINCESS GO
- 22:00 NEWS AT 10

ISNIN
9 Julai

- 16:05 PENGAJARAN DARI AL QURAN
- 16:30 SUCI
- 17:00 BERSAMA MUFTI 2011
- 17:00 IHYA RAMADHAN
- 18:30 DIAN HIDAYAH
- 18:38 AZAN MAGHRIB
- 18:45 DIAN HIDAYAH
- 19:15 MUTIARA HIDAYAH
- 19:30 BICARA IMAN
- 19:53 AZAN ISYAK
- 20:00 BERITA NASIONAL
- 20:45 BAB ALHARA
- 21:45 BERSAMA MUFTI 2008

SELASA
10 Julai

- 16:05 MUTIARA HIKMAH
- 16:30 DIAN HIDAYAH
- 17:00 KULIAH BERSAMA MUFTI
- 18:00 INFO MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI
- 18:15 AL-HADIS
- 18:38 AZAN MAGHRIB
- 18:45 ZIKIR & DOA PENOLAK BALAJAR
- 19:15 VISI SUCI 2012
- 19:53 AZAN ISYAK
- 20:00 BERITA NASIONAL
- 20:45 GUDWAH
- 21:15 KULIAH BERSAMA MUFTI 2008

RABU
11 Julai

- 16:05 BIMBINGAN KELUARGA
- 16:15 VISI SUCI 2012
- 16:45 INFO MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI
- 17:00 KULIAH BERSAMA MUFTI
- 18:00 MUTIARA
- 18:15 AL ISLAM
- 18:38 AZAN MAGHRIB
- 18:45 ALAM GHAIB
- 19:30 PEDOMAN
- 19:53 AZAN ISYAK
- 20:00 BERITA NASIONAL
- 20:45 BAB ALHARA
- 21:45 KULIAH BERSAMA MUFTI

JUMAAT
13 Julai

- 14:00 HAMTARO : LITTLE HAMSTER BIG ADVENTURE
- 14:30 DRAMA BERSIRI : \$#! MY DAD SAYS 'The Truth About Moms And Dads'
- 15:00 DRAMA BERSIRI : SUITS 'Dirty Little Secrets'
- 15:52 AZAN ASAR
- 16:00 NEW INVENTOR
- 17:00 DRAMA BERSIRI : PRINCESS GO
- 18:00 BATMAN : THE BRAVE AND THE BOLD
- 18:40 DRAMA BERSIRI : THE OFFICE 'Employee Transfer'
- 19:00 DRAMA BERSIRI : CSI VEGAS 'Built To Kill - Pt.1'
- 19:53 AZAN ISYAK
- 20:00 MEGA MOVIE 'Land Of The Lost'
- 22:00 NEWS AT 10

SABTU
14 Julai

- 14:00 BATMAN : THE BRAVE AND THE BOLD
- 14:30 DRAMA BERSIRI : THE OFFICE 'Employee Transfer'
- 15:00 DRAMA BERSIRI : CSI VEGAS 'Built To Kill - Pt.1'
- 15:52 AZAN ASAR
- 16:00 INTERNATIONAL MOVIE 'The Promise'
- 18:00 BATMAN : THE BRAVE AND THE BOLD
- 18:38 AZAN MAGHRIB
- 18:40 DRAMA BERSIRI : GOOD LUCK CHARLIE 'Snow Show' Pt.1
- 19:00 DRAMA BERSIRI : BLUE BLOODS 'Innocence'
- 19:53 AZAN ISYAK
- 20:00 MEGA MOVIE 'The Soloist'
- 22:00 NEWS AT 10

AHAD
15 Julai

- 14:00 BATMAN : THE BRAVE AND THE BOLD
- 14:30 DRAMA BERSIRI : GOOD LUCK CHARLIE 'Snow Show' Pt.1
- 15:00 DRAMA BERSIRI : BLUE BLOODS 'Innocence'
- 15:52 AZAN ASAR
- 16:00 MEGA MOVIE 'The Soloist'
- 18:00 SONIC X
- 18:30 DRAMA BERSIRI : THE MIDDLE 'Spring Cleaning'
- 18:38 AZAN MAGHRIB
- 19:00 DRAMA BERSIRI : THE CAPE 'Razer'
- 19:53 AZAN ISYAK
- 20:00 WILD JUSTICE CALIFORNIA 'Bitten By Justice'
- 21:00 DRAMA BERSIRI : PRINCESS GO
- 22:00 NEWS AT 10



LAND OF THE LOST
Mega Movie di RTB3 HD

KHAMIS
12 Julai

- 16:05 MUTIARA
- 16:30 PEDOMAN 2012
- 17:00 AT TIBBUL ISLAMI
- 17:15 BERSAMA MUFTI 2011
- 18:15 SURAH YASSIN
- 18:38 AZAN MAGHRIB
- 18:45 SENIBINA MASJID
- 19:00 ULASAN KHUTBAH JUMAAT
- 19:30 PERUBATAN NABAWI
- 19:53 AZAN ISYAK
- 20:00 BERITA NASIONAL
- 20:50 AN NUUR 2011
- 21:50 LINGKARAN IMAN

JUMAAT
13 Julai

- 16:05 AN NUUR
- 17:00 SURAH YASSIN
- 17:20 SEMBAHYANG FARDHU
- 17:45 JUMAAT DARI MEKAH
- 18:15 SENIBINA MASJID
- 18:38 AZAN MAGHRIB
- 18:45 TASSAWWUF
- 19:00 REMAJA ISLAM
- 19:30 AL HIDAYAH 1433/2012
- 19:40 HIKMAH ISRA' MIKRAJ
- 19:53 AZAN ISYAK
- 20:00 BERITA NASIONAL
- 20:45 JEJAK RASUL
- 21:15 KULIAH TAFSIR AL QURAN

SABTU
14 Julai

- 16:05 IHYA RAMADHAN
- 16:30 PEDOMAN AKIDAH 2011
- 16:45 KULIAH TAFSIR AL QURAN
- 17:45 SINAR
- 18:00 PENTOMIN IHYA RAMADHAN
- 18:15 SEMBAHYANG BERJAMAAH & DOA KESYUKURAN SEMPERA HARI KUPUTERAAN KDYMM YANG KE-66 (Siaran Langsung Dari Masjid S.O.A.S)
- 20:30 BERITA NASIONAL
- 21:15 PERSIDANGAN BELIA ISLAM ASIA TENGGARA
- 21:45 KULIAH BERSAMA MUFTI

AHAD
15 Julai

- 16:05 SINAR
- 16:15 PENTOMIN IHYA RAMADHAN 2007
- 16:45 PERSIDANGAN BELIA ISLAM ASIA TENGGARA
- 17:15 BERSAMA MUFTI 2011
- 18:15 AN NAZHAFAH
- 18:38 AZAN MAGHRIB
- 18:45 BICARA IMAN
- 19:00 PENGAJARAN DARI AL QURAN
- 19:30 SUCI

(sambungan susunan RTB5 Ahad)

- 19:53 AZAN ISYAK
- 20:00 BERITA NASIONAL
- 20:45 BAB ALHARA
- 21:45 KULIAH BERSAMA MUFTI



ISNIN
9 Julai

- 06.15 PEDOMAN AKIDAH 2011
- 06.30 PEDOMAN 2012
- 07.00 BERITA AWAL PAGI
- 07.20 RAMPAI PAGI - Live
- 10.05 VARIASI SELERA 2010 'Coklat Sup Apicot Compote'
- 10.30 DRAMA : KELUARGAKU KEBAHAGIAANKU 'I GOT IT'
- 11.30 RUMAH IDAMAN
- 12.00 AZAN ZUHUR
- 12.30 DIALOG 2012
- 13.00 DRAMA : MENGEJAR IMPIAN DEKOR
- 14.00 BERITA AWAL PAGI
- 14.30 RAMPAI PAGI - recorded
- 15.52 AZAN ASAR
- 17.30 MOTIVASI : TEKNIK BIJAK BELAJAR
- 17.45 BERITA 5:45
- 18.00 DRAMA : KELUARGAKU KEBAHAGIAANKU
- 18.38 AZAN MAGHRIB
- 19.00 FOKUS SUKAN
- 19.30 DRAMA SITKOM TEMPATAN : GENG LAMA
- 19.53 AZAN ISYAK
- 20.00 BERITA NASIONAL
- 20.50 ASEAN + 3 CONCERT FOR THE KING
- 22.00 NEWS AT 10
- 23.00 DRAMA : MENGEJAR IMPIAN DIALOG 2012
- 00.30 DEKOR
- 01.00 ASEAN + 3 CONCERT FOR THE KING
- 02.00 DRAMA SITKOM TEMPATAN : GENG LAMA
- 02.30 RUMAH IDAMAN
- 03.00 NEWS AT 10
- 03.45 FOKUS SUKAN
- 04.15 DIALOG 2012
- 04.50 AZAN SUBUH
- 04.50 AL ISLAM
- 05.20 SURAH SURAH PILIHAN
- 05.45 KEFAHAMAN MELAYU ISLAM BERAJA

SELASA
10 Julai

- 06.15 PENGAJARAN DARI AL QURAN
- 06.30 PEDOMAN 2012
- 07.00 BERITA AWAL PAGI
- 07.20 RAMPAI PAGI - Live
- 10.05 VARIASI SELERA 2010 'Acar Jeruk Berampai & Manisan'
- 10.30 DRAMA : MUTIARA CINTA
- 11.30 I GOT IT
- 12.00 BRUNEI SHUTTERS 2010 'Colours Of Brunei'
- 12.27 AZAN ZUHUR
- 12.30 DOKUMENTARI KHAS
- 13.00 DRAMA : MENGEJAR IMPIAN
- 14.00 @BRUNEI
- 14.30 BERITA AWAL PAGI
- 14.50 RAMPAI PAGI - recorded
- 15.52 AZAN ASAR
- 17.30 MOTIVASI : TEKNIK BIJAK BELAJAR
- 17.45 BERITA 5:45
- 18.00 DRAMA : MUTIARA CINTA
- 18.38 AZAN MAGHRIB
- 19.00 @BRUNEI
- 19.30 DRAMA SITKOM TEMPATAN : GENG LAMA
- 19.53 AZAN ISYAK
- 20.00 BERITA NASIONAL
- 20.50 GRID (PROJEK MOU RTB/ MEDIA CORP)
- 22.00 NEWS AT 10
- 23.00 DRAMA : MENGEJAR IMPIAN
- 00.30 DOKUMENTARI KHAS
- 01.00 @BRUNEI
- 02.00 DOKUMENTARI KHAS
- 02.30 BRUNEI SHUTTERS 2010 'Colours Of Brunei'
- 03.00 NEWS AT 10
- 03.45 @BRUNEI
- 04.15 DOKUMENTARI TEMPATAN
- 04.51 AZAN SUBUH
- 04.56 AL ISLAM
- 05.20 SURAH SURAH PILIHAN
- 05.45 KEFAHAMAN MELAYU ISLAM BERAJA

RABU
11 Julai

- 06.15 PENGAJARAN DARI AL QURAN
- 06.30 PEDOMAN 2012
- 07.00 BERITA AWAL PAGI
- 07.20 RAMPAI PAGI - Live
- 10.05 VARIASI SELERA 2010 'Beras Pulut Hitam / Blueberry Trifle'
- 10.30 DRAMA : MUTIARA CINTA
- 11.30 I GOT IT
- 12.00 DI MANA TU, AH? 'Aroma Wangian Pandan'
- 12.27 AZAN ZUHUR
- 12.30 SUKAN KHAS
- 13.00 DRAMA : SAUJANA JAUHARI
- 14.00 DOKUMENTARI TEMPATAN
- 14.30 BERITA AWAL PAGI
- 14.50 RAMPAI PAGI - recorded
- 15.52 AZAN ASAR
- 17.30 MOTIVASI : TEKNIK BIJAK BELAJAR
- 17.45 BERITA 5:45
- 18.00 DRAMA : MUTIARA CINTA
- 18.38 AZAN MAGHRIB
- 19.00 DOKUMENTARI KHAS
- 19.30 DRAMA SITKOM TEMPATAN : GENG LAMA
- 19.53 AZAN ISYAK
- 20.00 BERITA NASIONAL
- 21.00 DRAMA KHAS : 7 Hari 7 Mim
- 22.00 NEWS AT 10
- 23.00 DRAMA : SAUJANA JAUHARI
- 00.00 SUKAN KHAS
- 00.30 DOKUMENTARI TEMPATAN
- 01.00 DRAMA KHAS : 7 Hari 7 Mim
- 02.00 DRAMA SITKOM TEMPATAN : GENG LAMA
- 02.30 DI MANA TU, AH? 'Aroma Wangian Pandan'
- 03.00 NEWS AT 10
- 03.45 FOKUS SUKAN
- 04.15 SUKAN KHAS
- 04.51 AZAN SUBUH
- 04.56 AL ISLAM
- 05.20 SURAH SURAH PILIHAN
- 05.45 KEFAHAMAN MELAYU ISLAM BERAJA

KHAMIS
12 Julai

- 06.15 PENGAJARAN DARI AL QURAN
- 06.30 PEDOMAN 2012
- 07.00 BERITA AWAL PAGI
- 07.20 RAMPAI PAGI (Live)
- 10.05 VARIASI SELERA 2010 'Ayam Masak Lemak Bali/ Ayam Salai Madu'
- 10.30 DRAMA : MUTIARA CINTA
- 11.30 I GOT IT
- 12.00 REMAJA ISLAM
- 12.27 AZAN ZUHUR
- 12.30 LIPUTAN SEMASA 2012
- 13.00 DRAMA : SAUJANA JAUHARI
- 14.00 ULASAN KHUTBAH JUMAAT 2012
- 14.30 BERITA AWAL PAGI
- 14.50 RAMPAI PAGI - recorded
- 15.52 AZAN ASAR
- 17.30 MOTIVASI : TEKNIK BIJAK BELAJAR
- 17.45 BERITA 5:45
- 18.00 DRAMA : MUTIARA CINTA
- 18.38 AZAN MAGHRIB
- 19.00 BISIKAN HATI
- 19.30 MENJADI TEMAMU ALLAH
- 19.30 DRAMA SITKOM TEMPATAN : GENG LAMA
- 19.53 AZAN ISYAK
- 20.00 BERITA NASIONAL
- 20.50 AN NUUR
- 22.00 NEWS AT 10
- 23.00 DRAMA : SAUJANA JAUHARI
- 00.00 LIPUTAN SEMASA 2012
- 00.30 ULASAN KHUTBAH JUMAAT 2012
- 01.00 UBAYA-UBAYA 'Budaya Songsang'
- 02.00 DRAMA SITKOM TEMPATAN : GENG LAMA
- 02.30 REMAJA ISLAM
- 03.00 NEWS AT 10
- 03.45 MENJADI TEMAMU ALLAH
- 04.15 AN NUUR 2011
- 04.51 AZAN SUBUH
- 05.20 SURAH SURAH PILIHAN
- 05.45 KEFAHAMAN MELAYU ISLAM BERAJA

JUMAAT
13 Julai

- 06.15 PENGAJARAN DARI AL QURAN
- 06.30 PEDOMAN 2012
- 07.00 BERITA AWAL PAGI
- 07.20 RAMPAI PAGI - Live
- 10.05 VARIASI SELERA 2010 'Big Saderi Tumis Halia/ Pan Fried Chicken'
- 10.30 DRAMA : MUTIARA CINTA
- 11.30 BERITA 11:30
- 11.45 TILAWATIL AL-QURAN BERSAMA JUARA
- 12.00 SEMINAR ANTRABANGSA AQIDAH AHLI SUNNAH
- 12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 13.00 SUCI
- 14.00 VISI SUCI 2009
- 14.30 BERITA AWAL PAGI
- 14.50 RAMPAI PAGI - recorded
- 15.52 AZAN ASAR
- 17.30 MOTIVASI : TEKNIK BIJAK BELAJAR
- 17.45 BERITA 5:45
- 18.00 DRAMA : MUTIARA CINTA
- 18.38 AZAN MAGHRIB
- 19.00 AL HIDAYAH
- 19.30 DRAMA SITKOM TEMPATAN : LAKI BINI
- 19.53 AZAN ISYAK
- 20.00 BERITA NASIONAL
- 21.00 KULIAH BERSAMA MUFTI 'Masjid Kg. Batu Marang Bng.1'
- 22.00 NEWS AT 10
- 23.00 DRAMA : SAUJANA JAUHARI
- 00.00 LIPUTAN SEMASA 2012
- 00.30 PERTANDINGAN AKHIR LAGU LAGU DA'WAH
- 02.00 DRAMA SITKOM TEMPATAN : GENG LAMA
- 02.30 AL HIDAYAH
- 03.00 NEWS AT 10
- 03.45 SEMINAR ANTRABANGSA AQIDAH AHLI SUNNAH
- 04.15 LIPUTAN SEMASA 2012
- 04.52 AZAN SUBUH
- 04.55 AL ISLAM
- 05.20 SURAH SURAH PILIHAN
- 05.45 KEFAHAMAN MELAYU ISLAM BERAJA

SABTU
14 Julai

- 06.15 PENGAJARAN DARI AL QURAN
- 06.30 PEDOMAN 2012
- 07.00 BERITA AWAL PAGI
- 07.20 RAMPAI PAGI - Live
- 10.05 VARIASI SELERA 2010 'Kerabu Mangga / Rojak Buah Serbuk'
- 10.30 DRAMA : MUTIARA CINTA
- 11.30 BERITA 11:30
- 12.00 AKTA 'Tabung Amanah Pekerja'
- 12.28 AZAN ZUHUR
- 12.30 DUNIA ASIA
- 13.00 DRAMA : SAUJANA JAUHARI
- 14.00 BICARA SUKAN
- 14.30 BERITA AWAL PAGI
- 14.50 RAMPAI PAGI - recorded
- 15.52 AZAN ASAR
- 17.30 MOTIVASI : TEKNIK BIJAK BELAJAR
- 17.45 BERITA 5:45
- 18.00 DRAMA : MUTIARA CINTA
- 18.15 SEMBAHYANG MAGHRIB & KESYUKURAN
- 20.30 BERITA NASIONAL
- 21.15 TEKA RIA
- 22.00 NEWS AT 10
- 23.00 DRAMA : SAUJANA JAUHARI
- 00.00 DUNIA ASIA
- 00.30 DOKUMENTARI KHAS
- 01.30 TEKA RIA
- 02.00 DRAMA SITKOM TEMPATAN : GENG LAMA
- 02.30 AKTA 'Tabung Amanah Pekerja'
- 03.00 NEWS AT 10
- 03.45 RAJA BERJIWA RAKYAT
- 04.15 DUNIA ASIA
- 04.52 AZAN SUBUH
- 04.57 AL ISLAM
- 05.20 SURAH SURAH PILIHAN
- 05.45 KEFAHAMAN MELAYU ISLAM BERAJA

AHAD
15 Julai

- 06.15 PENGAJARAN DARI AL QURAN
- 06.30 PEDOMAN 2012
- 07.00 BERITA AWAL PAGI
- 07.20 RAMPAI PAGI - Live
- 09.30 ISTIADAT MENGADAP & MENGURNIJAKAN BINTANG - BINTANG KEBESARAN DIRAJA
- 11.30 BERITA 11:30
- 12.00 KONVENSYEN KUMP KERJA CERMERLANG
- 12.28 AZAN ZUHUR
- 12.30 LIPUTAN SEMASA 2012
- 13.00 DRAMA : SAUJANA JAUHARI
- 14.00 MINGGU CERIA
- 14.30 RAMPAI AWAL PAGI
- 14.50 RAMPAI PAGI - recorded
- 15.52 AZAN ASAR
- 17.30 MOTIVASI : TEKNIK BIJAK BELAJAR
- 17.45 BERITA 5:45
- 18.00 DRAMA : MUTIARA CINTA
- 18.38 AZAN MAGHRIB
- 19.00 REVIEW
- 19.30 DRAMA SITKOM TEMPATAN : GENG LAMA
- 19.53 AZAN ISYAK
- 20.00 BERITA NASIONAL
- 20.50 MUZIKA@4
- 22.00 NEWS AT 10
- 23.00 DRAMA : SAUJANA JAUHARI
- 00.00 LIPUTAN SEMASA 2012
- 00.30 MINGGU CERIA
- 01.00 SENANDUNG GEMILANG HARI KEPUTERAAN
- 02.30 DRAMA SITKOM TEMPATAN : GENG LAMA
- 03.00 NEWS AT 10
- 03.45 REVIEW
- 04.15 LIPUTAN SEMASA 2012
- 04.50 AL ISLAM
- 04.57 AZAN SUBUH
- 05.20 SURAH SURAH PILIHAN
- 05.45 MENJELANG RAMADHAN 2012

Tertakluk kepada perubahan semasa

Disediakan Oleh : Johnny Then

Atlet muda negara sertai 5th Children of Asia International Sports Games

YAKUTIA, REPUBLIK SAKHA, RUSSIA, Rabu, 4 Julai. - Lebih seribu peserta daripada 27 buah negara rantau Asia termasuk Negara Brunei Darussalam akan menghadiri 5th Children of Asia International Sports Games di Sakha Academic Asia Theatre, Yakutia, Russia.

Sehubungan dengan itu, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman menghadiri Research and Practice Conference : Children of Asia International Sports Games as the Format of Development of International Sports Cooperation and Promotion of Foundations of Olympism.

Mesyuarat dibuka rasmi oleh Member of the Federal Assembly State Duma of the Russian Federation, the First President of the Sakha Republic (Yakutia), Tuan Yang Terutama Mikhail Nikolaev. Turut menyertai persidangan tersebut ialah perwakilan daripada pihak UNESCO dan Olympic

Council of Asia (OCA).

Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina dalam ucapmentanya antara lain menyatakan bahawa melalui aktiviti sukan seperti yang dianjurkan oleh negara Russia, akan dapat meningkatkan peluang bagi negara-negara dari rantau Asia untuk berinteraksi dengan satu sama lain, di samping mengukuhkan persefahaman dan perpaduan.

Menteri-menteri Asia yang bertanggungjawab terhadap sukan, tambah Yang Mulia, mempunyai peranan penting, iaitu melalui sukan kita boleh sahaja akan dapat merapatkan lagi hubungan silaturahim khususnya pada kalangan penduduk-penduduk rantau Asia dan menjadikannya sebuah komuniti Asia yang aman dan sejahtera.

Oleh yang demikian, ujar Yang Mulia, penyertaan julung kali Negara Brunei Darussalam dalam sukan 5th Children of Asia International Sports

Game adalah sangat bermakna dan tepat pada masanya. Yang Mulia seterusnya melahirkan pandangan mengenai peranan yang dimainkan oleh sukan yang boleh menyumbang kepada pembangunan serantau dan antarabangsa dari perspektif pembangunan jati diri terutamanya dalam kalangan kanak-kanak, para belia, serta perpaduan sosial dan politik dengan azam yang tinggi untuk bertanding secara adil.

Ini, tambah Yang Mulia, juga akan boleh membukakan lebih peluang dan manfaat ekonomi kepada kita semua.

Yang Mulia juga telah membuat lawatan ke 'Olympic Village' yang mana kontinjen Negara Brunei Darussalam ke 5th Children of Asia International Sports Game ditempatkan.

Semasa lawatan tersebut, Yang Mulia berkesempatan untuk melihat secara lebih dekat suasana dan tempat penginapan para atlet muda termasuk

dari Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia juga beramah mesra dan memberikan nasihat dan dorongan kepada para atlet muda kita.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh empat orang atlet yang berumur di bawah 16 tahun yang menyertai tiga acara sukan iaitu olahraga, renang dan permainan chess.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam juga disertai oleh lima orang pegawai dan jurulatih.

Turut hadir dalam acara-acara rasmi dan lawatan yang diaturkan di Yakutia ialah Kuasausaha Sementara Negara Brunei Darussalam di Moscow, Dayang Norenawaty Entunie.

Sementara itu, kelmarin, 3 Julai 2012, Yang Mulia Datin telah mengadakan kunjungan hormat kepada Tuan Yang Terutama A.V. Vlasov, Deputy of the Sakha Republic (Yakutia) Government Chairman.

Perjumpaan juga dihadiri oleh

pegawai-pegawai kanan daripada kedua-dua belah pihak termasuk Menteri Tenaga dan Pembangunan Sosial Yakutia, Tuan Yang Terutama Degtyarev Nikolai Nikolaevich; Menteri Dasar Belia dan Sukan Yakutia, Tuan Yang Terutama Podglov Aleksandr Grigorievich dan Minister of Professional Development, Personnel Training and Deployment of the Sakha Republic (Yakutia), Tuan Yang Terutama Kurkutov Georgi Sergeevich.

Turut hadir dalam kunjungan tersebut ialah Kuasausaha Sementara Negara Brunei Darussalam di Moscow, Dayang Norenawaty Entunie dan pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina akan menghadiri acara pembukaan rasmi 5th Children of Asia International Sports Game yang berlangsung pada hari Khamis, 5 Julai 2012 bertempat di Tuimada Stadium, Yakutia.

79 atlet negara bersaing di ASG Ke-4

SURABAYA, REPUBLIK INDONESIA, Rabu, 4 Julai. - Lebih 900 atlet daripada negara ASEAN, termasuk Negara Brunei Darussalam mengambil bahagian dalam Kejohanan Sekolah-Sekolah ASEAN (ASEAN SCHOOL GAMES - ASG) Ke-4 berlangsung di Surabaya, Republik Indonesia bermula pada 28 Jun hingga 6 Julai 2012.

Kejohanan ASG dirasmikan pada 28 Jun lepas di JATIM EXPO, Surabaya, Republik Indonesia oleh Menteri Pemuda dan Olahraga, Tuan Yang Terutama Andi Malarangeng.

Hadir mewakili Negara Brunei Darussalam pada perasmian tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Turut hadir ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Saidin.

Negara Brunei Darussalam menghantar 79 atlet dan 37 pegawai ke sukan tersebut.

Rombongan negara ini diketuai oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Ko-Kurikulum, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar, selaku Chef de Mission.

Kejohanan ASG Ke-4 yang berlangsung di Surabaya selama sembilan hari mempertandingkan sebelas acara sukan iaitu Olahraga, Golf, Sepak Takraw, Badminton, Tenis, Pencak Silat, Renang, Pingpong, Bola Keranjang, Gimnastik dan Bola Tampar.

Sebanyak tujuh negara anggota ASEAN menyertai ASG Ke-4 2012 iaitu Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Kontinjen negara menyertai lapan acara sukan daripada sebelas acara yang dipilih dalam pesta sukan tahun lalu iaitu Olahraga, Golf, Sepak Takraw, Badminton, Tenis, Pencak Silat, Renang dan Pingpong.

Tahun ini merupakan penyertaan negara kali ke-4 sejak Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN dianjurkan.

Semasa pembukaan rasmi sukan tersebut, Timbalan Menteri Pendidikan berkesempatan beramah mesra bersama para atlet dan pegawai-pegawai pengiring.

Pada kesempatan itu beliau turut memberikan kata-kata semangat bagi menaikkan motivasi para atlet menghadapi kejohanan tersebut.

Beliau juga menaruh harapan supaya kontinjen negara akan mematuhi segala peraturan dan undang-undang kejohanan, di samping menjaga disiplin, menjaga nama baik negara dan berjaya meraih pingat untuk dibawa pulang.

Sementara itu, pada hari ke-7 kejohanan, Negara Brunei Darussalam berjaya mengutip sebanyak lapan pingat perak dan enam gangsa melalui beberapa kejohanan yang disertai.

Kejohanan Sukan Sempena Penubuhan Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Julai. - Kejohanan Futsal Sempena Penubuhan Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) Ke-33 Tahun diadakan pada 1 Julai 2012 yang berlangsung di Dewan Serbaguna Jabatan Kerja Raya (JKR), Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Sebanyak lima buah pasukan dengan mengambil nama-nama Operasi BPGN JIPK, Tangkas, Rundau, Cekap Bungkas dan Pintas yang melibatkan pegawai dan kakitangan dari Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang JIPK dan cawangan di keempat-empat daerah.

Kejohanan Futsal diadakan pada setiap tahun adalah bagi merebut piala pusingan sumbangan Penolong Pengarah Imigresen Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang JIPK.

Masa dan tempat yang sama acara Kejohanan Perlawanan Bola Jaring bagi pegawai dan kakitangan wanita turut diadakan dan terdapat empat kumpulan yang disertai JIPK dan cawangan dari keempat-empat daerah dan terdapat empat pasukan yang bertanding yang terdiri daripada Pasukan Pos Kawalan, Pasukan JIPK BSB, Pasukan BPGN JIPK dan Pasukan Cawangan Kuala Belait Sempena Sambutan Penubuhan Hari Imigresen dan

Pendaftaran Kebangsaan Ke-54 Tahun.

Pemangku Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Azmi bin Haji Hafneh hadir selaku tamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pasukan yang berjaya.

Perlawanan Futsal Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang JIPK dimenangi oleh Pasukan Tangkas dengan mendapat sepuluh mata yang dikendalikan secara *round robbin*.

Manakala penjaring terbanyak dimenangi oleh Penolong Pengarah Imigresen BPGN JIPK yang menjaringkan lima gol.

Manakala perlawanan bagi acara Perlawanan Bola Jaring dimenangi oleh Pasukan Pos Kawalan dengan 36 jaringan dan di tempat kedua ialah Pasukan JIPK BSB dengan 32 jaringan, penyampaian hadiah dan sijil disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Pendaftaran Kebangsaan, Dayang Liza Suraini binti Haji Ibrahim.

Perlawanan berkenaan bertujuan bagi menyatupadukan pegawai dan kakitangan pada setiap bahagian dan cawangan di jabatan ini dengan mengambil kira amalan cara hidup sihat dengan melibatkan diri dalam kegiatan bersukan atau apa jua bentuk senaman.

MS PDB tewaskan FC Phosphor 2-0

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Julai. - Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) melewati pusingan maut pada Piala FA Brunei-DST 2012 setelah mengalahkan FC Phosphor 2-0 di Kompleks Balapan dan Padang, di sini.

MS PDB menguasai perlawanan namun pada separuh masa pertama hanya mampu menyumbat satu gol hasil jaringan Md. Syarafuddin bin Hamdi Haji Talip pada minit ke-18.

FC Phosphor yang berhajat melimpasi pusingan maut ini tetap saja mencari ruang penyamaan, namun semuanya gagal kerana jentera serangan mereka mudah saja dipatahkan pertahanan MS PDB, sehingga FC Phosphor yang menciptakan beberapa peluang malah penjaga gawang MS PDB, Md. Khairul Amin bin Haji Zainuddin lebih bijak menutup ruang gawangnya.

Perlawanan terikat 1-0 hingga pengadil Haji Rozyman merehatkan kedua-dua pasukan.

Selang separuh masa kedua bermula FC Phosphor mula menemui rentak tetapi percubaan mereka hanya melimpasi tiang dan palang gol malah tendangan percuma di luar kawasan 'D' juga hanya melintasi palang gol.

Tetapi atas usaha jentera serangan MS PDB yang diketuai oleh Md. Nadzrin bin Abdullah mampu menambah gol melalui jaringan Jasriman bin Haji Johari pada minit ke-75 dari tepi kiri gawang yang gagal ditangkap penjaga gawang, Romaino Maripa.

MS PDB pada separuh masa kedua juga terlepas beberapa peluang menambah gol kerana percubaan yang melebar dan

hantaran ke tengah kawasan 'D' yang mudah dibaca pertahanan FC Phosphor.

Jaringan dua gol bagi MS PDB dan kosong bagi FC Phosphor kekal hingga tamat perlawanan sekali gus FC Phosphor terpaksa melupakan hasrat ke pusingan seterusnya.

Pasukan yang menang layak mara ke pusingan kedua namun yang kalah terpaksa bergigit jari.



PEMAIN FC Phosphor (jersi merah putih) berjaya merampas bola daripada pemain MS PDB (jersi biru tua) dalam Kejohanan Bola Sepak Piala FA-DST 2011-2012 yang berlangsung di Kompleks Balapan dan Padang. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Perasmian galeri mempromosi Sukan Olimpik London 2012

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Julai. - Pameran Galeri Kesenian 'The Spirit of The Games' telah dilancarkan di Galeri Seni Waterfront di ibu negara yang memaparkan sejumlah 32 penyertaan pada Pertandingan Seni 'The Spirit of The Games' yang telah diadakan pada 11 April hingga 6 Jun 2012 yang lalu.

Pameran kesenian itu akan berlangsung sehingga Majlis Perasmian Sukan Olimpik London 2012 pada hari Jumaat, 27 Julai 2012 nanti.

Galeri pameran kesenian tersebut dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Turut hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Rob Fenn dan Presiden Brunei Art Forum, Dato Paduka Awang Haji Shofry bin Haji Abd. Ghafor.

Pameran bertujuan antara lain untuk mempromosikan London 2012 Games serta menggalakkan kreativiti, inovasi dan penghayatan seni di negara ini dengan memanfaatkan bakat artis-artis tempatan dengan menyediakan platform untuk kemahiran mereka, sekali gus memberi mereka satu matlamat untuk terus berusaha dalam semangat 'The Spirit of the Games'.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam ucapan perasmian, dengan membawa masuk semangat Sukan Olimpik London 2012 ke Negara Brunei Darussalam oleh Suruhanjaya Tinggi

British, merupakan cara yang unik di mana semangat tersebut dapat dikongsi bersama bagi melambangkan dan mengukuhkan lagi hubungan istimewa dan mesra dengan United Kingdom (UK) agar sukan berprestij itu lebih dekat kepada hati dan minda rakyat Brunei.

Yang Berhormat menambah, Olimpik London mempunyai kepentingan khas bagi negara ini kerana buat pertama kalinya negara akan menghantar atlet wanita yang pertama ke Sukan Olimpik tersebut dengan harapan bahawa pada masa akan datang akan lebih banyak lagi atlet, sama ada atlet wanita mahupun lelaki akan mampu bersaing di peringkat dunia dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan sepenuhnya komited membantu atlet negara untuk mencapai potensi mereka.

"Saya sedar bahawa atlet kita masih perlu banyak berusaha agar dapat bersaing di peringkat antarabangsa seperti Sukan Olimpik namun melalui galakkan dan dedikasi serta pencapaian yang ditunjukkan setakat ini, saya yakin bahawa Brunei juga boleh menghasilkan olahragawan dan olahragawati yang terbaik untuk mengambil tempat menjadi atlet terbaik di rantau ini jika tidak di taraf dunia," tambah Yang Berhormat lagi.

Dalam pada itu, semangat Olimpik adalah satu cara untuk menggalakkan belia dan masyarakat umum khususnya dalam sukan agar mereka boleh bersaing dan mempunyai keghairahan untuk menyertai sukan pada peringkat yang lebih tinggi, di samping ianya juga dapat menjana kehidupan yang sihat, bersatu dan negara yang aman.

Selain itu, KKBS juga telah ber-

gabung tenaga dengan agensi-agensi lain dalam memulakan peluang yang lebih luas bagi Brunei untuk menceburi bidang industri kreatif, kerana industri ini hanya boleh dilakukan jika orang ramai boleh menjadi pasaran yang berdaya maju, tanpa dibatasi oleh sempadan pasir yang bersifat global dan ianya penting untuk dijadikan sebagai satu sumber pendapatan penting negara.

Terdahulu daripada itu Pesuruhjaya Tinggi British menerangkan bahawa Galeri Waterfront merupakan lokasi yang ideal untuk persembahan kesenian ini bagi membolehkan orang awam berkunjung dan mengagumi hasil seni yang hanya dapat dilihat pada Majlis Resepsi Hari Lahir Queen pada 12 Jun.

Menurut TYT lagi Undi Awam bagi penyertaan untuk pertandingan ini akan dipaparkan melalui laman sosial Facebook www.facebook.com/ukin-brunei pada hari Selasa, 3 Julai dan gambar dengan *likes* yang paling banyak selewatnya pada hari Jumaat, 27 Julai nanti, akan memenangi 'Road to 2012' National Portrait Gallery Publication.

Pameran seni itu diilhamkan oleh Olimpik London 2012 yang mana ianya tidak hanya berfokus kepada sukan tetapi juga pada seni dan budaya. Dengan Olimpik Kebudayaan mengambil tempat di sekitar UK semasa Sukan Olimpik.

Ia akan menjadi perayaan terbesar yang tidak akan dilupakan dalam sejarah kebudayaan dan seni di Britain.

Dari pameran utama perdana kepada pameran tempatan, London 2012 Festival akan meraikan bakat artistik Britain dan memamerkan budaya



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Ajeerah Firdausul Bolqiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolqiah ketika menjelaskan hasil lukisan kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah mengenai lukisan yang dihasilkan oleh Pengiran Anak sendiri dalam peraduan tersebut. - Foto : Hatral Hazmi Abdul Hamid.

yang terbaik dari seluruh dunia bagi menandakan UK sebagai salah satu destinasi kebudayaan yang agung.

Taman Olimpik itu sendiri mempunyai dan terdapat pelbagai seni yang imaginatif dan memberikan sumber inspirasi dalam pengukuhan budaya seperti struktur 'Run' dan 'Orbit' yang berdiri 115 meter tinggi. Orbit adalah seni struktur yang tertinggi di Britain, dan menawarkan pemandangan yang menakjubkan ke Stadium Olimpik, Taman Olimpik dan merentasi seluruh London.

Satu program telah diadakan untuk mengekalkan hasil seni agar bersepadu dengan seni bina British yang berkualiti tinggi dalam kejuruteraan Taman Olimpik, bermula dari jambatan dan laluan bawah yang direka oleh artis, skim penanaman, pagar keselamatan serta diadakan dengan fasa besar-besaran dan seni projek dalam taman ini telah disokong oleh beberapa penaja, termasuk Greater London Authority, Arts Council England, London Development Agency dan Forward Arts Foundation.

UBD juara keseluruhan Pesta Sukan IPT NBD

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Jun. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) muncul juara keseluruhan Pesta Sukan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Negara Brunei Darussalam Kali Pertama, 2012 yang berlangsung di Kompleks Sukan Royal Brunei Recreation Club, Berakas di sini.

Naib juara ialah pasukan dari Institut Teknologi Brunei (ITB) dan tempat ketiga telah dikongsi bersama oleh pasukan Politeknik Brunei (PB) dan Kolej International Graduate Studies Brunei Darussalam (IGS).

Hadir bagi menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Naib Canselor ITB, Dr. Hajah Naemah binti Haji Basir.

Pesta Sukan IPT merupakan kali pertama dianjurkan oleh Bahagian Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan dan telah pun diadakan selama satu minggu bermula dari 24 hingga 30 Jun 2012.

Ianya merupakan satu inisiatif Bahagian Pengajian Tinggi sebagai langkah awal untuk mewujudkan asas yang kukuh ke arah perancangan aktiviti-aktiviti kokurikulum yang lebih besar pada masa akan datang.

Di samping dapat memberikan kerjasama yang erat dengan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain di negara ini terutama dalam bidang akademik, penyediaan dan kepakaran bagi memastikan sektor pengajian tinggi akan terus berkembang maju dan relevan dengan tuntutan semasa dan akan datang.



ANTARA pasukan yang menyertai Pesta Sukan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Negara Brunei Darussalam Kali Pertama 2012. - Foto : Ihsan Jawatankuasa Pesta Sukan IPT.

Pesta Sukan IPT juga turut dihasrat untuk diadakan setiap dua tahun sekali dan akan dikelola secara bergilir-gilir bersama-sama dengan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain.

Seramai 530 peserta daripada lima kontinjen telah menyertai pesta sukan yang terdiri dari pasukan UBD, ITB, PB, IGS, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Pada kejohanan kali ini sebanyak empat acara sukan telah dipertandingkan iaitu Bola Sepak, Bulu Tangkis, Badminton dan Futsal.

Antara tujuan dan objektif pesta sukan ini diadakan ialah sebagai persediaan awal penyertaan institusi-institusi penga-

jian tinggi dalam Pesta Sukan Kebangsaan, Pesta Sukan Remaja dan juga kejohanan-kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa dalam menyemai semangat persaingan yang kental dan berupaya mencabar pasukan-pasukan yang lebih mencabar dan berkemahiran.

Selain bagi melahirkan masyarakat dan graduan-graduan yang sihat dan cergas, baik dari segi fizikal, mental dan disiplin, di samping cemerlang dalam bidang akademik.

Ianya juga turut membantu dalam mencungkil minat dan bakat mahasiswa yang berpotensi dalam bidang sukan untuk dikembangmajukan dan memenuhi asas ke arah Dasar Sukan Untuk Masyarakat dan Kecemerlangan Sukan.

Mengenal pasti bakat pemain bola sepak

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

TEMBURONG, Jumaat, 29 Jun. - Lebih 20 penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar berusia 14 hingga 17 tahun menyertai Program Mengenal Pasti Bakat bagi spesifik Sukan Bola Sepak, bertempat di Kompleks Sukan, Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar.

Program diadakan bagi mencari bakat-bakat baru khusus dalam sukan bola-sepak untuk dilatih lebih awal bagi membentuk satu pasukan bola sepak yang lebih mantap sebagai salah satu persiapan untuk menghadapi Sukan SEA 2017 dan 2019.

Penyelaras program, Awang Omarali bin Haji Ibrahim dari Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan pemilihan dibuat dengan menjalani empat komponen ujian di mana mula-mula para peserta akan disukat keting-


gian, berat badan, depa tangan, panjang kaki dan *body mass index* (BMI).

Setelah itu, katanya, lagi para peserta akan diberikan latihan *fitness* seperti lari pecut 30 meter, kekuatan otot, menguji kepantasan dan pemikiran.

Ujian ketiga pula, jelasnya, para peserta akan diuji kemahiran seperti melambungkan bola menggunakan kaki kiri dan kanan, menggunakan paha dan kepala, hantaran bola jarak jauh, menjarangkan gol dan sebagainya dan yang terakhir akan diadakan perlawanan lima orang sepasukan bagi menilai dari segi kemahiran, kreativiti, disiplin pemain dan komunikasi.

Selain sebagai persiapan untuk menghadapi Sukan SEA 2017 dan 2019, program seumpamanya juga bertujuan untuk mencari bakat-bakat baru untuk diketengahkan ke kejohanan-kejohanan pada peringkat serantau dan antarabangsa.

DPMM menerima mengadap dua Ketua Perwakilan Asing



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Qatar, Tuan Yang Terutama Saleh Mohammed Al-Nesef (kiri) dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Jaya Ratnam (kanan). - Foto : Masri Osman.

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap secara berasingan

dua orang Ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam.

Di Majlis Mengadap yang berlangsung di Qashr Al-Meezaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Qatar, Tuan Yang Terutama Saleh Mohammed Al-Nesef.

Sejurus selepas itu, DYT berkenan menerima mengadap

Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Jaya Ratnam.

Tuan-Tuan Yang Terutama telah menyembahkan Surat-Surat Watikah Pelantikan masing-masing ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 25 Jun 2012.

Berangkat menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkhiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berangkat ke Phnom Penh, Kemboja bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-45, Persidangan Rakan-Rakan Dialog, Forum Serantau ASEAN Ke-19 dan Mesyuarat Ke-2 Menteri-Menteri Luar Sidang Kemuncak Asia pada 8-13 Julai.

Berangkat mengucapkan selamat belayar kepada Duli Yang Teramat Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. - Foto : Ihsan Media Permata.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengurniakan sabda pada Pelancaran Persidangan Kebangsaan Ejaan Jawi : Kaedah dan Penyelaras, berlangsung di Dewan Indera Samudera, The Empire Hotel and Country Club. - Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

Penggunaan ejaan Jawi perlu dibudayakan

Dari muka 1

Menurut sabda Yang Teramat Mulia, peluang tersebut masih terbuka luas dengan usaha berterusan dan komitmen yang tinggi dari pihak kerajaan dan masyarakat dalam menghidupkan kembali dan membudayakan penggunaan ejaan Jawi di negara ini.

Ke arah itu, YTM juga berharap dan berdoa semoga penggunaan ejaan Jawi di seluruh Negara Brunei Darussalam ini dapat disebarluaskan penggunaannya dengan lebih dinamik dan berkesan.

Ini, sabda YTM, menunjukkan keunikan dan keunggulan negara ini sebagai negara Melayu Islam Beraja (MIB) agar dapat merealisasikan Negara Zikir menuju Wawasan 2035 dengan cemerlang diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

YTM bersabda melahirkan harapan itu ketika berkenan berangkat merasmikan Pelancaran

Persidangan Kebangsaan Ejaan Jawi: Kaedah dan Penyelaras di Dewan Indera Samudera, The Empire Hotel and Country Club.

“Memang tepat dan wajar masalah ini perlu diselesaikan dengan segera dan bijaksana. Apa yang paling penting, ejaan Jawi akan terus digunakan di Negara Brunei Darussalam.

“Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh, kata sepakat yang disuarakan dalam persidangan ini menunjukkan komitmen tinggi jawatankuasa penganjur dan pengendali dalam memartabatkan dan memperkasakan penggunaan ejaan Jawi dalam pelbagai bidang dan aspek,” sabda YTM.

YTM juga sukacita mengucapkan tahniah dan syabas atas usaha dan inisiatif dalam menggubal dan menyelaraskan kaedah Jawi yang mudah dipakai dan digunakan oleh semua pihak dan pencinta tulisan Jawi di negara ini.

Semasa bersabda YTM juga melahirkan rasa

optimis setiap orang di negara ini hendaklah tahu dan faham menjeja dan membaca Jawi dengan baik dan betul.

YTM bersabda, Persidangan Kebangsaan Ejaan Jawi: Kaedah dan Penyelaras ini diharapkan dapat menyatukan dan menyelaras suatu kaedah yang standard digunakan di Negara Brunei Darussalam sama ada pada peringkat institusi pendidikan, mahupun agensi kerajaan dan sektor awam.

Persidangan ejaan Jawi yang dipersetujui dalam persidangan ini, menurut YTM, akan mengatasi sebarang kekeliruan dalam menyelesaikan isu penggunaan ejaan Jawi.

“Pepatah Melayu ada mengungkapkan, *bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat*, berkat permuafakatan di antara pihak penganjur dan pengendali, maka persidangan ini dapatlah menghasilkan percambahan minda yang boleh menyelesaikan masalah-masalah penggunaan ejaan Jawi yang tidak selaras pada masa ini,” sabda YTM.

'RAJA PENYAYANG DAN PEMEDULIAN'

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتري دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.